



100 KOPERASI TERBAIK

LAPORAN TAHUNAN

2024



AR-RAHNU



FARMASI



TAKAFUL



HARTANAH



INAP DESA



PEMBIAYAAN



100 KOPERASI TERBAIK

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

LAPORAN TAHUNAN 2024

ISI KANDUNGAN

Kata-kata Aluan Ketua Eksekutif BSN / Penaung KOBANAS	I
Perutusan Timbalan Ketua Eksekutif BSN / Penasihat KOBANAS	II
Perutusan Pengurus KOBANAS	III
Anggota Lembaga Koperasi KOBANAS	IV
Senarai Nama Jawatankuasa dan Perwakilan Negeri Sesi 2025-2027	1
Senarai Nama Pengurusan/Kakitangan Koperasi	6
Jawatankuasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-32	10
Aturcara Perasmian dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-32	12
Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-32	14
Prinsip-Prinsip Koperasi	17
Visi, Misi, Objektif & Moto Koperasi	20

ISI KANDUNGAN

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kali ke-31	24
Laporan Anggota Lembaga Koperasi	46
Laporan Juruaudit Dalaman	51
Laporan Juruaudit Luar (AKN ARIF)	56
Laporan Berkanun Anggota Lembaga	60
Pandangan Suruhanjaya ke Atas Akaun Tahunan 2023	63
Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024	68
Pindaan Belanjawan 2025 & Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2026	106
Aktiviti Perniagaan & Aktiviti KOBANAS 2024/2025	111

KATA KATA ALUAN DARIPADA PENAUNG KOBANAS

“

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya, saya diberi ruang untuk menyampaikan kata-kata aluan serta amanat dalam buku Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS) bagi tahun 2024.

Dikesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada KOBANAS terutama kepada barisan Anggota Lembaga (ALK), Perwakilan dan Pengurusan KOBANAS kerana berjaya sekali lagi mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-32 selaras dengan peruntukan Undang-undang kecil KOBANAS.

Saya juga ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada ALK serta warga KOBANAS di atas segala komitmen dan kerjasama yang telah dicurahkan bagi memastikan KOBANAS terus mengekalkan prestasi cemerlang setiap tahun dan seterusnya tersenarai dalam 100 koperasi terbaik seluruh Malaysia.

Saya percaya prestasi ini akan dapat diteruskan di masa-masa akan datang sekiranya pengurusan KOBANAS sentiasa mengamalkan tadbir urus dengan baik, kawal selia yang berkesan, komited dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab.

Di samping itu kesefahaman, kerjasama, sokongan yang tuan-puan berikan selaku anggota KOBANAS juga merupakan kunci utama dan pemangkin kepada kejayaan KOBANAS. Pihak Pengurusan BSN akan sentiasa memberi sokongan ke atas aspirasi dan agenda kecemerlangan KOBANAS setiap masa.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua Perwakilan dan Pengurusan KOBANAS. Semoga KOBANAS akan terus menjadi salah satu koperasi terbaik di Malaysia dan terus cemerlang di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

(JAY KHAIRIL JEREMY ABDULLAH)

**KETUA EKSEKUTIF
BANK SIMPANAN NASIONAL
MERANGKAP PENAUNG KOBANAS**



PERUTUSAN DARIPADA PENASIHAT KOBANAS

“

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Di kesempatan ini saya selaku penasihat mengucapkan tahniah dan syabas kepada KOBANAS terutamanya Ahli Lembaga Koperasi (ALK), Perwakilan dan pengurusan KOBANAS kerana dapat mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-32.

Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada KOBANAS kerana bukan saja mampu mengekalkan malah meningkatkan prestasi keuntungan yang baik bagi tahun 2024. Prestasi yang baik ini akan memastikan KOBANAS terus kekal relevan terutama kepada anggota di samping memberi pulangan dividen yang baik kepada anggota.

Di samping itu, saya yakin bahawa kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dapat merealisasikan matlamat yang disasarkan oleh KOBANAS secara kolektif. Saya berharap agar kesemua pihak yang telah dilantik dapat melaksanakan tugas serta amanah yang dipertanggungjawabkan dengan adil, saksama serta berintegriti demi manfaat dan faedah serta kebajikan setiap anggota KOBANAS.

Akhir kata, saya memohon kepada semua yang terlibat dalam mesyuarat agung dapat menggunakan peluang yang ada dengan baik di samping memberi idea-idea bernes demi kepentingan KOBANAS khasnya dan anggota amnya.

Sekian, terima kasih.



(MUJIBBURRAHMAN ABD RASHID)

**TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF
BANK SIMPANAN NASIONAL
MERANGKAP PENASIHAT KOBANAS**



PERUTUSAN DARIPADA PENGERUSI KOBANAS

“

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya kita dapat melaksanakan kewajipan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 32 selaras dengan peruntukan subseksyen 39(1) Akta Koperasi dan UUK 27 KOBANAS. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam mengurus dan mentadbir KOBANAS sekaligus membangkitkan semangat untuk terus melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi.

Saya mewakili Anggota Lembaga Koperasi (ALK) mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Perwakilan yang hadir pada mesyuarat agung kali ini. Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada barisan ALK, Perwakilan dan Pengurusan KOBANAS yang terus memberikan kerjasama bagi memastikan KOBANAS berada dalam landasan, selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan sebelum ini.

Tahun 2024 sekali lagi memperlihatkan KOBANAS terus dapat mengekalkan prestasi keuntungan yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM4.051 juta. Keuntungan ini merupakan keuntungan yang tertinggi yang pernah dicatat oleh KOBANAS semenjak ianya ditubuhkan. Lanjutan daripada prestasi keuntungan ini, ALK telah bersetuju mencadangkan pembayaran dividen pada kadar 10% atas modal saham dan 8% atas modal yuran bulanan. Cadangan pembayaran dividen ini lebih baik daripada dividen tahun 2023.

Saya percaya dan yakin dengan kerjasama dan sokongan semua pihak terutama anggota KOBANAS, prestasi pencapaian keuntungan ni akan dapat ditingkatkan pada masa hadapan dan secara tidak langsung ianya dapat memberi pulangan dividen yang lebih baik kepada anggota. Bagi memastikan prestasi ini terus meningkat, pihak ALK yang telah diberi amanah akan terus merangka dan merancang pelan strategik yang komprehensif bagi menentukan halatuju terutama perniagaan sediaada dan perniagaan yang akan diceburi pada masa akan datang.

Akhir kata, saya selaku Pengerusi KOBANAS ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia serta pihak ANGKASA yang sentiasa memberikan kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada KOBANAS. Tidak lupa juga, kepada Pengurusan tertinggi BSN, pegawai serta kakitangannya yang selama ini memberi kerjasama dan sokongan kepada pihak KOBANAS.

Sekian, terima kasih.

(HAMZAH HJ. IBRAHIM)
PENGERUSI KOBANAS




ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

SESI 2024/2025



**HAMZAH
BIN HJ. IBRAHIM**

PENGERUSI



**MOHAMAD KHASNIEDDY
BIN KHASIMI @ MOHAMED**

NAIB PENGERUSI

TOP
04



**JAMSARI @ RIDUAN
BIN MOHD NOOR**

SETIAUSAHA



**SUZANA
BINTI ABDUL MALIK**

BENDAHARI

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

SESI 2024/2025





SENARAI NAMA JAWATANKUASA & PERWAKILAN NEGERI SESI 2025-2027

JAWATAN KUASA AUDIT DALAMAN

1.	Rosli bin Husshin	Pengerusi
2.	Mohd Abkahalisatul Rohaizad bin Abd Karim	Setiausaha
3.	Syafeq Effendi bin Ramli	Jawatankuasa
4.	Muhammad Izwan bin Abd Rahim	Jawatankuasa

JAWATAN KUASA BADAN PENELITI

1.	Muhamad Zairi bin Abdullah	Pengerusi
2.	Omar Adani Tengah	Jawatankuasa
3.	Mohd Shafiez bin Mohd Yusof	Jawatankuasa
4.	Mohd Riduan bin Hassan	Jawatankuasa

IBU PEJABAT

1.	Nurazlin binti Mohd Khasni	Pengerusi Perwakilan
2.	Naimatul Anis binti Mohd Ghazali	Setiausaha Perwakilan
3.	Faizal bin Mohamed	Perwakilan
4.	Mazlina binti Malik	Perwakilan
5.	Yasman bin Hamid	Perwakilan
6.	Mohd Helmy bin Abu Samah	Perwakilan
7.	Sabri bin Yahia	Perwakilan
8.	Muhammad Faizal bin Ariffin	Perwakilan
9.	Mohammad Saiful bin Mansor	Perwakilan
10.	Ahmad bin Jali	Perwakilan
11.	Noor Haslily binti Mohd Haniff	Perwakilan
12.	Mas Azurra binti Mazlan	Perwakilan
13.	Intan Nurul Safina binti Zaharin	Perwakilan
14.	Anuwar bin Khamis	Perwakilan
15.	Mohd Sharuddin bin Mat Idris	Perwakilan
16.	Ekmal Fusyairy bin Mohd Pouzi	Perwakilan
17.	Sulaiman bin Abas	Perwakilan
18.	Zakaria bin Hasim	Perwakilan
19.	Mohd Zulhadi bin Mohamad Hatta	Perwakilan
20.	Tarmizi bin Alias	Perwakilan
21.	Mariani binti Sanuman	Perwakilan
22.	Nik Arshad bin Nik Daud	Perwakilan
23.	Muhammad Izam bin Abu Bakar	Perwakilan
24.	Azrul Azuan bin Aziz	Perwakilan
25.	Mohamed Rafik bin Mohamed Yoosuf	Perwakilan

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1.	Mohd Saini bin Mohd Shariff	Pengerusi Perwakilan
2.	Sefullah bin Tauhid Ahmed	Setiausaha Perwakilan
3.	Anas Asri bin Othman	Perwakilan
4.	Mohammed Nijam Johari	Perwakilan
5.	Anuar bin Ali	Perwakilan
6.	Shafida binti Ishak	Perwakilan
7.	Khalid bin Ali	Perwakilan

SELANGOR

1.	Norazak bin Mohd Tohar	Pengerusi Perwakilan
2.	Hasma Arida binti Ahmad	Setiausaha Perwakilan
3.	Mohd Zilin bin Ismail	Perwakilan
4.	Zalma binti Mohamed Tajuddin	Perwakilan
5.	Khairul Nizam bin Ismail	Perwakilan
6.	Khairul Izhar bin Md Yahya	Perwakilan
7.	Nik Nor Azila binti Nik Him	Perwakilan
8.	Mohamad Shafiq bin Abdul Jalil	Perwakilan

PERAK

1.	Mohsin bin Ahmad	Pengerusi Perwakilan
2.	Maizatul Aida bin Ahmad Adlan	Setiausaha Perwakilan
3.	Mahamad bin Razali	Perwakilan
4.	Sabaruddin bin Hussin	Perwakilan
5.	Abdul Samad bin Alang	Perwakilan
6.	Anol Reezal bin Tajudin	Perwakilan
7.	Muhamad Hakim bin Abu Hassan	Perwakilan

NEGERI SEMBILAN

1.	Nor Hizam bin Hashim	Pengerusi Perwakilan
2.	Nur Hazirah binti Hashim	Setiausaha Perwakilan
3.	Mohd Firdaus Qusairy bin Mohd Yusof	Perwakilan
4.	Khairul Nizam bin Jamalludin	Perwakilan
5.	Haris bin Hassan	Perwakilan

MELAKA

1.	Adzli bin Ahmad	Pengerusi Perwakilan
2.	Sharifah Nazzathul Norza binti Syed Mohd Nor	Setiausaha Perwakilan
3.	Aluay bin Ahmad	Perwakilan
4.	Mohd Faizal bin Hashim	Perwakilan
5.	Norazlina binti Ahmad	Perwakilan

JOHOR

1.	Daud bin Mohd Jeni	Pengerusi Perwakilan
2.	Norhayati binti Jaafar	Setiausaha Perwakilan
3.	Noor Aziha binti Abd Aziz	Perwakilan
4.	Fariza binti Abdul Hamid	Perwakilan
5.	Zulhadi bin Salim	Perwakilan
6.	Nor Azizah binti Hadirman	Perwakilan
7.	Mohd Najib bin MH Rembeli	Perwakilan
8.	Zahari bin Limat	Perwakilan
9.	Rosli bin Tamok	Perwakilan
10.	Khalid bin Ibrahim	Perwakilan

PAHANG

1.	Amirul Fadzli bin Abu Samah	Pengerusi Perwakilan
2.	Noor Zieana Amira binti Othman	Setiausaha Perwakilan
3.	Noor Aznieta binti Ibrahim	Perwakilan
4.	Shapinah binti Nordin	Perwakilan
5.	Muhamad Najib bin Abd Jamal	Perwakilan

KEDAH / PERLIS

1.	Sallehin bin Saidin	Pengerusi Perwakilan
2.	Nor Rosidi Hj Aziz	Setiausaha Perwakilan
3.	Ade Nor Azman	Perwakilan
4.	Mohamad Shukri bin Baharom	Perwakilan
5.	Rozaimie bin Ridzuan	Perwakilan

PULAU PINANG

1. Ahmad Nizam Bin Said @ Razak
2. Azlina binti Talib
3. Rohasidie bin Abd Rahim
4. Nur-Ul Naquiah binti Mohamad Azwa
5. Rosman bin Abdullah

Pengerusi Perwakilan
Setiausaha Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan

SABAH

1. Roseni Stephen
2. Jaounah Ompongoh
3. Ebel Ciew Yun Ken
4. Mohd Zuraidil Han Bin Sabara
5. Roslin binti Mabaris
6. Farrid bin Jamir
7. Eric Dennis Lazaroo
8. Haslan bin Harun

Pengerusi Perwakilan
Setiausaha Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan

SARAWAK

1. Anarita binti Rabai'e
2. Siti Norzuriana binti Bormawi
3. Bohori bin Jimaaah
4. Misah binti Sabani
5. Mizam@Halmi Jemaine
6. Omeli bin Mun

Pengerusi Perwakilan
Setiausaha Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan

TERENGGANU

1. Mohd Hadafi bin Ali
2. Ahmad Fauzi bin Yusof
3. Kamal bin Abu Bakar
4. Mohd Hasrul Nizam bin Mat Hassan
5. Faiz bin Azaha

Pengerusi Perwakilan
Setiausaha Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan

KELANTAN

1. Mohammad Mokhtar Abd Wahab
2. Mohd Safizuan bin Safiee
3. Muhammed Hilme bin Mat Hassan
4. Amalina binti Amir Shariffudien
5. Muhammad Faisal bin Shaari

Pengerusi Perwakilan
Setiausaha Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan
Perwakilan

SENARAI NAMA PENGURUSAN & KAKITANGAN KOBANAS

PENGURUSAN KOBANAS



**Abd Faris Shah bin
Abd Razak**
Pengurus Kewangan



Azman bin Mohd Sidek
Pengurus Modal
Insan & Sekretariat



**Noor Shabudin bin
Shafie**
Pengurus Kredit

MODAL INSAN & SEKRETARIAT

- | | |
|-----------------------------------|--|
| 1. Azman bin Mohd Sidek | Pengurus Modal Insan & Sekretariat |
| 2. Syahida binti Rasli | Eksekutif Sumber Manusia & Pentadbiran |
| 3. Nur Azizah binti Sagiman | Eksekutif Sekretariat & Pentadbiran |
| 4. Muhammad Noorul Azam bin Mafti | Pembantu Am |
| 5. Tinawati binti Sabirin | Pembantu Am |

AKAUN & IT

- | | |
|-----------------------------------|--------------------------|
| 1. Abd Faris Shah bin Abd Razak | Pengurus Kewangan |
| 2. Mardhiah binti Abdullah | Eksekutif Akaun |
| 3. Nurul Fakhira binti Mohd Radzi | Penolong Eksekutif Akaun |
| 4. Meor Muhammad Arif bin Marzuki | Penolong Pegawai IT |

SOKONGAN PERNIAGAAN

Bahagian Kredit

- | | |
|-----------------------------------|-------------------------|
| 1. Noor Shabudin bin Shafie | Pengurus Kredit |
| 2. Muhammad Aniq Muqri bin Masri | Penolong Pegawai Kredit |
| 3. Siti Hawa binti Hoziri | Kerani Kredit |
| 4. Amira Syazwani binti Abd Karim | Kerani Kredit |

Bahagian Promosi

- | | |
|--|-------------------------------|
| 1. Norsyahira Afiqah binti Abdel Hikim | Eksekutif Sokongan Perniagaan |
|--|-------------------------------|

Bahagian Hartanah

1. Muhammad Azrul Nazwan bin Mohd Nadzri

Eksekutif Sokongan Perniagaan

Bahagian Tempat Letak Kereta (TLK) & Kafe

1. Ismail bin Mohd Noor
2. Mohd Khairul Adham bin Ali
3. Saenah binti Misdin
4. Nur Halipah binti Othman
5. Hosen
6. Mohd Sufian bin Ab Wahab
7. Amirullah bin Zakaria
8. Md Zukri bin Sabirin
9. Muhammad Ridzuan Al Sidiq bin Mohd Radzi
10. Mohd Firdaus bin Hashim
11. Muhammad Jefri bin Abdullah

Penyelia TLK
Penyelia Kafe
Pembantu Am
Pembantu Am

Bahagian Ar-Rahnu

1. Nurul Asyiqin binti Khairi Muhar

Eksekutif Sokongan Perniagaan

Ar-Rahnu Cawangan Setiawangsa

1. Muhammad Asyraf bin Jaafar
2. Mashila binti Md Som
3. Norhanida binti Rosman

Penyelia Ar-Rahnu
Penaksir Ar-Rahnu
Penaksir Ar-Rahnu

Ar-Rahnu Cawangan Kuala Terengganu

1. Nurul Aqilah binti Mohd Hanapi
2. Fatin Umairah Amalyn binti Mat Kamal
3. Syahidatul Azreen binti Ali

Penyelia Ar-Rahnu
Penaksir Ar-Rahnu
Penaksir Ar-Rahnu

Ar-Rahnu Cawangan Damai Perdana

1. Khazmi bin Abu Kasim
2. Muhamad Syimir bin Samsol Bahrin
3. Nor Diana binti Baharudin

Penyelia Ar-Rahnu
Penaksir Ar-Rahnu
Penaksir Ar-Rahnu

Bahagian Takaful

1. Wan Suzana binti Wan Abas
2. Nabilah binti Abdul Hamid

Pegawai Cawangan
Eksekutif

Bahagian Farmasi

- | | |
|-----------------------------|-------------------------------|
| 1. Nur Syuhada binti Riduan | Eksekutif Sokongan Perniagaan |
|-----------------------------|-------------------------------|

Farmasi Cawangan Alam Budiman

- | | |
|--|------------------|
| 1. Che Ummi Aidda binti Sahdan | Pembantu Farmasi |
| 2. Nur Aisyah Aqilah binti Mohd Fadzil | Pembantu Farmasi |

Farmasi Cawangan Wangsa Melawati

- | | |
|--------------------------------------|------------------|
| 1. Nur Syarafana binti Syafuddin Tan | Pembantu Farmasi |
| 2. Nursyahidah binti Zulkurnain | Pembantu Farmasi |
| 3. Siti Aisah binti Indra | Pembantu Farmasi |

JAWATANKUASA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-32 KOBANAS

PENASIHAT JAWATANKUASA/ PENGERUSI KOBANAS

Hamzah bin Hj. Ibrahim

AHLI JAWATANKUASA

Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor

Harudin Asmal bin Haron

Suzana binti Abdul Malik

Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu

Azman bin Mohd Sidek

Abd Faris Shah bin Abd Razak

Syahida binti Rasli

Nur Azizah binti Sagiman

Norsyahira Afiqah binti Abdel Hikim

Muhammad Azrul Nazwan bin Mohd Nadzri

URUSETIA

Noor Shabudin bin Shafie

Muhammad Aniq Muqri bin Masri

Nurul Fakhira binti Mohd Radzi

Nurul Asyiqin binti Khairi Muhar

Khazmi bin Abu Kasim

Amira Syazwani binti Abd Karim

Mardhiah binti Abdullah

Siti Hawa binti Hoziri

Meor Muhammad Arif bin Marzuki

Nur Syuhada binti Riduan

Muhammad Noorul Azam bin Mafti

ATURCARA PERASMIAH & MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-32 (MAPT)

**ATURCARA
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-32 (MAPT)
KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD (KOBANAS)**

20-21 JUN 2025

PUSAT PEMBELAJARAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

20 Jun 2025

Jumaat

  	02:00pm - 03:00pm 3.00 pm – 6.00 pm 8.00 pm – 10.00 pm	Perwakilan / Check In Bicara Ilmu / Hi-Tea Majlis Makan Malam KOBANAS
---	---	---

21 Jun 2025

Sabtu

         	7.30 am – 8.30 am 8.30 am – 9.00 am 9.00 am 9.15 am 9.30 am 10.00 am 10.30 am 11.00 am 1.00 pm 2.00 pm	Pendaftaran Kehadiran Perwakilan / Sarapan Pagi Sesi Bergambar bersama Perwakilan Ketibaan: Tetamu-tetamu Jemputan & VIP Ucapan Pembuka Majlis & Bacaan Doa Ucapan Aluan & Pembentangan Prestasi Perniagaan KOBANAS, Yang Berusaha Encik Hamzah bin Hj. Ibrahim Ucapan Dan Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-32 KOBANAS Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin Pengerusi Bank Simpanan Nasional Penyampaian Anugerah KOBANAS dan Sesi Bergambar Minum Pagi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-32 bermula Makan Tengahari Mesyuarat Bersambung / Bersurai
--	---	--



NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE - 32

KKBSNB/AGM.32/2025

20 Mei 2025

Anggota Lembaga KOBANAS
Semua Perwakilan Negeri / Ibu Pejabat
Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS)

Tuan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 32

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 32 Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS) akan diadakan pada **21 Jun 2025 (Sabtu) jam 8.30 pagi bertempat di Pusat Pembelajaran & Pembangunan BSN, No. 3286 Jalan Institusi, Off Jalan Ayer Itam 43000 Kajang, Selangor**

Agenda:

1. Melantik Pengurus Mesyuarat.
2. Melantik dua (2) orang Pencatat Minit.
3. Melantik jawatankuasa menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 32.
4. Membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke 31 yang diadakan pada 23 Jun 2024.
5. Menimbangkan :-
 - 5.1 Laporan Lembaga bagi tahun 2024.
 - 5.2 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman
 - 5.3 Laporan Audit Luar
 - 5.4 Laporan Berkanun Anggota Lembaga
 - 5.5 Pandangan Pengarah SKM ke atas akaun tahunan
6. Menimbang dan meluluskan penyata kewangan beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.
7. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan
8. Menimbang dan meluluskan pindaan belanjawan 2025 dan anggaran belanjawan bagi tahun 2026.
9. Memilih Anggota Lembaga mengikut bilangan kekosongan bagi sesi 2025/2026.
10. Meluluskan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi.

11. Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meluluskan skop pelaburan koperasi tidak melebihi RM20 juta bagi tahun 2025/2026.
12. Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga membuat pembiayaan luar tidak melebihi RM60 juta bagi tahun 2025/2026.
 - 12.1 Pembiayaan bagi modal pusingan pembiayaan Anggota KOBANAS sebanyak RM30 juta.
 - 12.2 Pembiayaan bagi modal pusingan perniagaan Ar-rahnu sebanyak RM20 juta.
 - 12.3 Pembiayaan pembelian harta tanah sebanyak RM10 juta.
13. Membincang dan meluluskan usul-usul Anggota Lembaga Koperasi.
14. Membincang dan meluluskan usul-usul yang disampaikan kepada setiausaha sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 31.
15. Menimbang dan meluluskan pindaan Undang-undang Kecil Koperasi, jika ada.
16. Meluluskan perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman.
17. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Akta dan Peraturan, jika ada.
 - 17.1 Pindaan Aturan Keanggotaan Kakitangan BSN Bersara Wajib/Pilihan
 - 17.2 Pindaan Aturan Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)
 - 17.3 Pindaan Aturan Tadbir Urus KOBANAS
18. Melantik Juru Audit Luar; dan
19. Ucapan penangguhan.

Sekian

Yang Benar,
Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad.



JAMSARI @ RIDZUAN BIN MOHD NOOR
Setiausaha



PRINSIP - PRINSIP KOPERASI

7

PRINSIP - PRINSIP KOPERASI



01

KEANGGOTAAN SUKARELA & TERBUKA

Koperasi adalah pertubuhan sukarela, terbuka kepada semua orang yang berupaya menggunakan perkhidmatannya dan sanggup menerima tanggungjawab keanggotaan, tanpa diskriminasi jantina, sosial, politik atau agama.

02

KAWALAN DEMOKRATIK ANGGOTA

Koperasi adalah pertubuhan demokratik yang dikawal oleh anggotanya dan terlibat secara aktif dalam pembentukan dasar-dasarnya untuk membuat keputusan. Lelaki dan wanita yang berkhidmat selaku perwakilan yang dipilih adalah tanggungjawab terhadap keanggotaan. Dalam asas koperasi, setiap anggota mempunyai hak-hak mengundi yang setaraf (satu anggota, satu undi) dan koperasi pada peringkat lain adalah dikelolakan dengan cara yang demokratik.

03

PENGLIBATAN EKONOMI ANGGOTA

Anggota-anggota membuat sumbangan setara dan mengawal secara demokratik terhadap modal koperasi mereka. Sebahagian daripada modal tersebut biasanya menerima saguhati terhad, jika ada terhadap modal yang dicarum sebagai satu syarat keanggotaan. Anggota yang memperuntukkan lebihan untuk salah satu atau kesemua daripada tujuan-tujuan berikut:

Membangunkan koperasi, mungkin dengan menujuhan rezab di mana sekurang-kurangnya sebahagian daripadanya tidak boleh dibahagikan; memberi manfaat kepada anggota sejajar dengan urusan mereka di koperasi; dan menyokong kegiatan-kegiatan lain yang diluluskan oleh keanggotaan.

7

PRINSIP - PRINSIP KOPERASI



04

AUTONOMI DAN KEBEBASAN

Koperasi bersifat autonomi, pertubuhan membantu diri sendiri yang dikawal oleh anggota-anggotanya. Jika mereka membuat perjanjian dengan pertubuhan-pertubuhan lain, termasuk kerajaan atau mendapatkan modal dari sumber luaran, mereka melakukannya pada syarat-syarat yang memastikan kawalan demokratik oleh anggotanya dan mengekalkan autonomi koperasi mereka.

05

PENDIDIKAN LATIHAN DAN MAKLUMAT

Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan untuk anggota dan perwakilan yang dipilih oleh pengurus dan kakitangan supaya mereka dapat menyumbangkan dengan berkesan terhadap pembangunan koperasi mereka. Mereka memberitahu masyarakat umum terutamanya golongan muda dan pemimpin mengenai keadaan dan manfaat berkoperasi.

06

KERJASAMA ANTARA KOPERASI - KOPERASI

Koperasi melayani anggota-anggotanya secara paling berkesan dan mengukuhkan gerakan koperasi dengan berusaha bersama-sama melalui struktur tempatan, kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

07

PRIHATIN TERHADAP KOMUNITI

Di samping menumpukan kepada keperluan anggota, koperasi berusaha untuk mewujudkan pembangunan berdaya kekal komuniti mereka melalui dasar-dasar yang diterima anggota mereka.

VISI, MISI, OBJEKTIF & MOTO KOPERASI



MISI DAN VISI

KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN
NASIONAL BERHAD

VISI

Menjadi sebuah koperasi yang menawarkan perkhidmatan yang cemerlang dan memberi manfaat untuk mempertingkatkan sosio-ekonomi anggota.

MISI

- Menyediakan kemudahan pembiayaan patuh Syariah dan memperkasa nilai pelaburan serta modal insan bagi mempertingkatkan sosio – ekonomi anggota.
- Meningkatkan prestasi kewangan dengan menjana pendapatan perniagaan yang memberi pulangan yang tinggi dan perkhidmatan berkualiti kepada pihak berkepentingan.



Website

www.kobanas.com

OBJEKTIF KOBANAS

1

Memastikan perkhidmatan dan pentadbiran kewangan yang berkualiti.

2

Memastikan koperasi sentiasa bergerak di landasan yang betul selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

3

Mewujudkan modal insan yang berilmu, mahir dan berhemah tinggi.

4

Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan sejajar dengan perkembangan semasa dengan sokongan teknologi maklumat.

5

Memastikan perniagaan dan pelaburan memperolehi pulangan yang setimpal.

MOTO KOBANAS



KOBANAS

HAK MILIK

BERSAMA

BSN



MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KALI KE-31

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-31
KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD (KOBANAS)

TAJUK : MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KALI KE-31
TARIKH : 22 & 23 JUN 2024 (SABTU & AHAD)
MASA : 3.00 PM HINGGA 12.44 AM
TEMPAT : GRAND SWISS-BELHOTEL, MELAKA

KEHADIRAN

BIL	KEHADIRAN	HADIR	TIDAK HADIR
1.	ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	11	1
2.	PERWAKILAN	99	5
JUMLAH KEHADIRAN		110	6

TIDAK HADIR BERSEBAB

BIL	NAMA	ALASAN
1.	JAMSARI @ RIDZUAN BIN MOHD NOOR	MENUNAIKAN HAJI
2.	YASMAN BIN HAMID	MENUNAIKAN HAJI
3.	MEOR MOHD TARMIZZI BIN MEOR MOHD SHUKRI	MENUNAIKAN HAJI
4.	ALUAY BIN AHMAD	KURSUS BSN
5.	ROSLI BIN HASSAN	URUSAN PERIBADI
6.	MOHAMAD SHUKRI BIN BAHAROM	PERKAHWINAN ANAK

TURUT HADIR

BIL	KEHADIRAN	HADIR	TIDAK HADIR
1.	JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	4	1
2.	JAWATANKUASA BADAN PENELITI	3	1
JUMLAH KEHADIRAN		7	2

BICARA ILMU & HALA TUJU KOPERASI

MAPT kali ke-31 dimulakan dengan Bicara Ilmu & Hala Tuju Koperasi serta Aturan Tadbir Urus KOBANAS yang disampaikan oleh En. Hamzah bin Hj. Ibrahim (Pengerusi KOBANAS) menyentuh mengenai pengisian seputar mengenai berikut:

- **Asas-asas Koperasi:**
 - Pengertian Dan Konsep Kerjasama
 - Perbandingan Koperasi Dan Syarikat Swasta
 - Sejarah Dan Perkembangan Gerakan Koperasi
 - Kawal Selia Gerakan Koperasi di Malaysia
 - Jenis- Jenis Koperasi Yang Ditubuhkan
 - Perundangan Koperasi Di Malaysia
 - Aktiviti Ekonomi Koperasi

• Aturan Tadbir Urus KOBANAS

Aturan ini mempunyai 15 prinsip umum yang hendaklah dijadikan rujukan dan amalan kepada koperasi dalam usaha mewujudkan sistem tadbir urus yang berkesan. Prinsip-prinsip di bawah adalah piawaian minimum yang hendaklah diamalkan oleh koperasi:

- PRINSIP 1 :** Pengamalan Prinsip dan Nilai Koperasi
- PRINSIP 2 :** Pentadbiran Lembaga yang Cekap dengan Misi dan Strategi yang Jelas
- PRINSIP 3 :** Pengasingan Peranan dan Tanggungjawab Lembaga dan Pengurusan Koperasi yang Seimbang
- PRINSIP 4 :** Pelantikan Anggota Lembaga Koperasi Secara Formal dan Telus
- PRINSIP 5 :** Pelaksanaan Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi

- PRINSIP 6 :** Kriteria Minimum Anggota Lembaga Koperasi
- PRINSIP 7 :** Pengendalian Mesyuarat Lembaga dan Pengemukaan Maklumat Terkini oleh Pihak Pengurusan
- PRINSIP 8 :** Penilaian Rasmi dan Berterusan Terhadap Pentadbiran dan Pihak Pengurusan
- PRINSIP 9 :** Penetapan Prosedur Ganjaran yang Formal dan Telus
- PRINSIP 10 :** Pendedahan dan Percanggahan Kepentingan
- PRINSIP 11 :** Pengauditan yang Mantap Melalui Hubungan Profesional Antara Juruaudit, Lembaga Dan Pengurusan
- PRINSIP 12 :** Penyampaian Maklumat Melalui Saluran Komunikasi yang Berkesan

- PRINSIP 13 :** Pelaksanaan Pengurusan Risiko yang Berkesan
- PRINSIP 14 :** Pengendalian Koperasi Secara Telus dan Jelas
- PRINSIP 15 :** Penilaian Prestasi Koperasi Melalui Tahap Kepuasan Anggota

Bicara Ilmu & Hala Tuju Koperasi ditangguhkan pada jam 5.30 petang, 22 Jun 2024 dan disambung pada jam 8.30 malam, 22 Jun 2024.

PERASMIAAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KALI KE-31

En. Hamzah bin Hj. Ibrahim (Pengerusi KOBANAS) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua hadirin yang sudi hadir dalam perasmian MAPT kali ke-31.

Pengerusi memberi ucapan aluan dan membentangan prestasi perniagaan KOBANAS bagi tahun 2023 dan seterusnya merasmikan MAPT kali ke-31.

• Penyampaian Anugerah KOBANAS

Anugerah KOBANAS disampaikan oleh Pengerusi dan diiringi En. Mohamad Khasnieddy bin Khasimi @ Mohamed (Naib Pengerusi KOBANAS) dan En. Zainuddin bin Hj. Ngah (Bendahari KOBANAS) seperti berikut:

- a) Pencapaian Pengeluaran Pembiayaan Tertinggi Negeri Tahun 2023
- b) Peratusan Anggota Baru Tertinggi Tahun 2023
- c) Peratusan Saham Tertinggi Tahun 2023
- d) Peratusan Yuran Tertinggi Tahun 2023
- e) Premium Takaful Kenderaan Tertinggi Tahun 2023
- f) Anugerah Kecemerlangan Kakitangan KOBANAS

Pengerusi membuat undian untuk mendapatkan persetujuan MAPT kali ke-31 diawalkan daripada 23 Jun 2024 kepada 22 Jun 2024. Jumlah bersetuju seramai 99 orang.

Majlis Perasmian MAPT kali ke-31 selesai pada jam 9.30 malam, 22 Jun 2024 dan MAPT kali ke-31 diteruskan pada 9.45 malam, 22 Jun 2024.

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KALI KE-31

AGENDA 1 : MELANTIK PENGERUSI MESYUARAT

- 1.1 En. Hamzah bin Hj. Ibrahim (Pengerusi KOBANAS) memaklumkan para Perwakilan mesyuarat bahawa berdasarkan peruntukan dalam Undang-undang Kecil KOBANAS di perkara 34(1), MAPT hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi KOBANAS. Bersesuaian dengan peruntukan ini, beliau memaklumkan bahawa MAPT kali ke-31 bagi sesi 2024/2025 ini dipengerusikan oleh beliau sendiri.
- 1.2 Sehubungan dengan itu, beliau selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan ribuan terima kasih kepada semua Perwakilan yang hadir bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab di MAPT kali ke-31 bagi sesi 2024/2025.
- 1.3 Sebelum mesyuarat diteruskan, Pengerusi meminta Pn. Suzana binti Abdul Malik (Penolong Setiausaha KOBANAS) untuk mengumumkan jumlah kehadiran mesyuarat. Beliau memaklumkan jumlah kehadiran iaitu seramai 110 orang dan MAPT kali ke-31 boleh diteruskan dengan korum yang cukup.

AGENDA 2 : MELANTIK DUA (2) ORANG PENCATAT MINIT

- 2.1 Bagi melancarkan proses penyediaan minit mesyuarat, Pengerusi mencadangkan Pencatat Minit di kalangan Kakitangan KOBANAS. En. Huzairie bin Ramli (Perwakilan Selangor) menyokong Pencatat Minit di kalangan Kakitangan KOBANAS.
 - Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima cadangan tersebut.
- 2.2 Pengerusi seterusnya mengumumkan pelantikan Cik Nurul Asyiqin binti Khairi Muhar, Cik Syahida binti Rasli dan Pn. Nurul Salsabila binti Mohd Noor sebagai Pencatat Minit.

AGENDA 3 : MELANTIK JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-31

- 3.1 Pengerusi memberi penerangan berhubung dengan perlantikan Jawatankuasa Penentusah Minit MAPT tersebut.

Pengerusi memaklumkan kepada para Perwakilan mengenai proses pemilihan Jawatankuasa Penentusah yang mana komposisinya adalah seperti berikut:

 - a) Empat (4) orang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK)
 - b) Enam (6) orang terdiri daripada kalangan Perwakilan Negeri Lembah Klang
- 3.2 Pengerusi mencadangkan senarai nama ALK sebagai Pegawai Penentusah Minit Mesyuarat seperti berikut:
 - a) En. Rosafandi bin Hj. Rusli
 - b) En. Izham bin Ismail
 - c) En. Mohd Kamaruzaman bin Nor
 - d) En. Megat Zulkifli bin Megat Mohamad

• Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima cadangan tersebut.
- 3.3 En. Mohd Saini bin Mohd Shariff (Perwakilan Kuala Lumpur) mencadangkan supaya Jawatankuasa Penentusah di kalangan Perwakilan Kuala Lumpur dilantik seperti berikut:
 - a) En. Sefullah bin Tauhid Ahmed
 - b) En. Mohammed Nijam bin Johari
 - c) En. Anas Asri bin Othman

- 3.4 En. Faizal bin Mohamed (Perwakilan Ibu Pejabat) mencadangkan supaya Jawatankuasa Penentusah di kalangan Perwakilan Ibu Pejabat dilantik seperti berikut:
- En. Mohd Redzuan bin Omar
 - Pn. Zahariah binti Abdullah
 - En. Muhammad Faizal bin Ariffin
- Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima cadangan tersebut.
- 3.5 Berdasarkan keputusan di atas, Pengurus mengumumkan senarai Jawatankuasa Penentusah Minit MAPT kali ke-31 bagi tahun 2024 yang dilantik seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	En. Rosafandi bin Hj. Rusli	Anggota Lembaga Koperasi
2.	En. Izham bin Ismail	Anggota Lembaga Koperasi
3.	En. Mohd Kamaruzaman bin Nor	Anggota Lembaga Koperasi
4.	En. Megat Zulkifli bin Megat Mohamad	Anggota Lembaga Koperasi
5.	En. Sefullah bin Tauhid Ahmed	Perwakilan Kuala Lumpur
6.	En. Mohammed Nijam bin Johari	Perwakilan Kuala Lumpur
7.	En. Anas Asri bin Othman	Perwakilan Kuala Lumpur
8.	En. Mohd Redzuan bin Omar	Perwakilan Ibu Pejabat
9.	Pn. Zahariah binti Abdullah	Perwakilan Ibu Pejabat
10.	En. Muhammad Faizal bin Ariffin	Perwakilan Ibu Pejabat

AGENDA 4 : MEMBENTANGKAN DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-30 PADA 17 JUN 2023.

- 4.1 Pn. Suzana binti Abdul Malik selaku Penolong Setiausaha KOBANAS membentangkan Minit MAPT kali ke-30 bertarikh 17 Jun 2023 seperti di muka surat 24 hingga 36.
- Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima minit mesyuarat tersebut.

AGENDA 5 : MENIMBANGKAN:

- Laporan Anggota Lembaga Koperasi Bagi Tahun Kewangan 2023
- Laporan Jawatankuasa Audit Dalam
- Laporan Juruaudit Luar
- Pandangan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Ke Atas Akaun Tahunan

5.1 LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN 2023

- 5.1.1 Selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil (UUK) 40 (2) Mesyuarat ALK bagi tahun 2023 telah di adakan sebanyak 12 kali. Senarai kehadiran ALK pada mesyuarat berkenaan adalah seperti berikut:

NO	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN MESYUARAT
1.	Hamzah bin Hj. Ibrahim	Pengerusi	12/12
2.	Mohamad Khasnieddy bin Khasimi @ Mohamed	Naib Pengerusi	11/12
3.	Jamsari @ Ridzuan bin Mohd Noor	Setiausaha	11/12
4.	Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu	Bendahari	11/12
5.	Suzana binti Abdul Malik	Penolong Setiausaha	10/12
6.	Kamaruzaman bin Abdul Kayum	Penolong Bendahari	12/12
7.	Harudin Asmal bin Haron	Anggota Lembaga	8/12
8.	Hj. Mohd Ghazali bin Abu Zahid	Anggota Lembaga	11/12
9.	Mohd Kamaruzaman bin Nor	Anggota Lembaga	11/12
10.	Rosafandi bin Hj. Rusli	Anggota Lembaga	10/12
11.	Megat Zulkifli bin Megat Mohamad	Anggota Lembaga	9/12
12.	Izham bin Ismail	Anggota Lembaga	11/12

5.1.2 Pengerusi membentangkan Laporan Anggota Lembaga Koperasi bagi Tahun Kewangan 2023 seperti di muka surat 39 hingga 43:

- a) Mencapai keuntungan bersih tahun 2023 berjumlah RM3,366,528 berbanding RM2,997,998 tahun 2022, peningkatan sebanyak 10.94% (RM368,530).
- b) Jumlah Pembiayaan Anggota tahun 2023 berjumlah RM43,396,691 berbanding RM38,599,130 tahun 2022, meningkat sebanyak 11.05% (RM4,797,561).
- c) Baki Modal Syer Anggota tahun 2023 berjumlah RM12,890,490 berbanding RM13,072,834 tahun 2022, penurunan sebanyak 1% (RM182,344).
- d) Modal Yuran Anggota tahun 2023 berjumlah RM19,019,985 berbanding RM18,246,525 tahun 2022, meningkat sebanyak 4.06% (RM773,460).
- e) Keanggotaan Koperasi tahun 2023 seramai 4,443 orang berbanding 4,397 orang tahun 2022, meningkat seramai 46 orang (1.03%).

5.1.3 Bagi aktiviti projek, terdapat peningkatan dan penurunan seperti berikut:

- a) Projek Kantin Wisma BSN menunjukkan prestasi keuntungan yang positif pada tahun 2023 berjumlah RM131,852 berbanding RM123,552 bagi tahun 2022, Tempat Letak Kereta (TLK) pula pada tahun 2023 berjumlah RM46,147 berbanding RM22,113 bagi tahun 2022 manakala Ar-Rahnu pada tahun 2023 berjumlah RM310,891 berbanding (RM50,434) bagi tahun 2022.
- b) Projek Homestay Terengganu dan Sarawak menunjukkan peningkatan yang positif manakala Homestay Sabah dan Johor mengalami penurunan keuntungan jika dibandingkan dengan tahun terdahulu kerana homestay yang masih dalam proses peningkatan selari dengan pertumbuhan industri pelancongan.
- c) Pihak Pengurusan memutuskan operasi Homestay Terengganu diuruskan sepenuhnya oleh Kakitangan Pengurusan KOBANAS.
 - Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima laporan ALK.

5.2 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 5.2.1 En. Rosli bin Husshin selaku Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) membentangkan Laporan JAD bagi tahun 2023 di muka surat 45 hingga 48. Beliau memaklumkan dalam Laporan JAD telah memfokuskan lima (5) perkara iaitu:
- Jumlah Aset
 - Pendapatan KOBANAS
 - Perbelanjaan KOBANAS
 - Kumpulan Wang Anggota – Modal Syer dan Modal Yuran
 - Liabiliti
- 5.2.2 Hasil semakan mendapati berdasarkan Prestasi Kewangan 2023, KOBANAS telah diuruskan dengan baik dan masih kekal relevan dalam mencapai matlamat penubuhannya serta dapat memberi manfaat kepada 4,443 anggotanya.
- Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima laporan JAD.
- 5.2.3 Pn. Kartini binti Husain memohon penjelasan mengenai isu JAD hadir berseorangan bagi tujuan pengauditan di Ar-Rahnu Cawangan Kuala Terengganu.
- En. Rosli bin Husshin (Pengerusi JAD) memaklumkan hal ini kerana Jawatankuasa JAD yang lain tidak dapat hadir ke pengauditan di Ar-Rahnu Cawangan Kuala Terengganu dan membuat pengakuan atas kekhilafan tersebut dan perkara ini tidak akan berulang lagi pada masa hadapan.

5.3 LAPORAN JURUAUDIT LUAR

- 5.3.1 Pengerusi membentangkan Laporan Juruaudit Luar bermula dari muka surat 50 hingga 53 adalah benar dan saksama selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan serta patuh pada Akta Koperasi 1993.
- Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima laporan tersebut.

5.4 PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) KE ATAS AKAUN TAHUNAN

- 5.4.1 Pengerusi membentangkan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ke atas Akaun Tahunan 2023 di muka surat 58 hingga 61.
- Pewujudan tabung penyelenggaraan Homestay yang ada kaitan dengan kos operasi perniagaan atau aktiviti koperasi adalah tidak dibenarkan. Ianya adalah tidak selaras dengan Seksyen 56 dan 57(5) Akta Koperasi 1993. Oleh itu, sebarang kos penyelenggaraan hendaklah dicajkan ke akaun untung rugi dan pelarasian ke atas tabung ini hendaklah dibuat semasa penyediaan akaun tahun semasa.
 - Semakan mendapati beberapa item dibawah akaun pelbagai pengutang iaitu akaun pendahuluan tunai Ar-Rahnu berjumlah RM5,200,925.00 dan akaun pendahuluan secara pindahan kredit kepada Ar-Rahnu berjumlah RM3,083,420.85 adalah transaksi dalam antara aktiviti koperasi. Perlakuan perakaunan bagi akaun pelbagai pengutang ini adalah tertakluk kepada ketetapan Seksyen 11(Instrumen Kewangan Asas) MPERS. Sehubungan itu, Koperasi dikehendaki menyemak semula kedudukan akaun-akaun pelbagai pengutang ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi mematuhi kehendak piawaian perakaunan.

- c) Semakan didapati, Wakalah Zakat Perniagaan berbaki debit berjumlah RM2,000.00 pada tarikh kunci kira-kira. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya koperasi menyimpan rekod yang sempurna dan memantau transaksi tambahan dan penggunaan dalam tahun semasa.
- d) Laporan Pengurusan yang dilaporkan oleh juruaudit hendaklah diberi perhatian yang serius dan diambil tindakan sewajarnya oleh Pihak Pengurusan Koperasi bagi memperbaiki tadbir urus koperasi dari semasa ke semasa.
- e) Selain itu, akaun-akaun dan kunci kira-kira disediakan selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan Penyeliaan Koperasi.
 - Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima laporan tersebut dengan tindakan yang sewajarnya.

AGENDA 6 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN PENYATA AKAUN BERAUDIT YANG BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023.

- 6.1 En. Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu selaku Bendahari KOBANAS membentangkan Penyata Akaun Tahunan 2023 dengan meminta perwakilan merujuk kepada muka surat 63 hingga 69 (Kunci Kira-Kira muka surat 63-64 dan Akaun Untung Rugi muka surat 66-67).
- 6.1.1 Di muka surat 63, Aset Bukan Semasa KOBANAS tahun 2023 berjumlah RM60,932,232.11 berbanding RM58,980,021.24 tahun 2022. Aset Semasa tahun 2023 berjumlah RM31,603,266.20 berbanding RM26,136,424.32 tahun 2022. Jumlah keseluruhan aset tahun 2023 berjumlah RM92,535,498.20 berbanding RM85,116,445.56 tahun 2022. Kumpulan Wang Anggota tahun 2023 berjumlah RM46,942,650.57 berbanding RM46,370,716.04 tahun 2022.
 - 6.1.2 Di muka surat 64, Kumpulan Wang Rizab Statutori tahun 2023 berjumlah RM9,914,054.84 berbanding RM9,577,402.01 tahun 2022. Liabiliti Semasa tahun 2023 berjumlah RM20,737,855.83 berbanding RM16,504,830.07 tahun 2022.
 - 6.1.3 Di muka surat 66-67, Jumlah Pendapatan tahun 2023 meningkat kepada RM8,726,285.96 daripada RM6,637,527.71 tahun 2022 dan Jumlah Perbelanjaan tahun 2023 berjumlah RM5,359,757.64 berbanding RM3,639,529.96 tahun 2022. Untung Bersih tahun 2023 berjumlah RM3,366,528.32 meningkat daripada RM2,997,997.75 tahun 2022.
 - Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima laporan tersebut.

AGENDA 7 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

- 7.1 En. Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu selaku Bendahari KOBANAS membentangkan Akaun Pembahagian Keuntungan Tahunan 2023 dengan meminta perwakilan merujuk kepada muka surat 65.

7.1.1 Di muka surat 65, Keuntungan Bersih Tahun Semasa tahun 2023 berjumlah RM3,366,528.32 berbanding RM2,997,997.75 tahun 2022. Penolakan pembahagian yang dicadangkan seperti berikut:

- a) Kumpulan Wang Rizab Statutori sebanyak 10% tahun 2023 berjumlah RM336,652.83.
 - b) Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi 2% berjumlah RM67,330.57.
 - c) Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi 1% berjumlah RM33,665.28.
 - d) Peruntukan Cukai RM0.00.
 - e) Peruntukan Zakat Perniagaan berjumlah RM42,000.00.
 - f) Dividen Atas Modal Syer Anggota 9% berjumlah RM1,142,600.00.
 - g) Dividen Atas Modal Yuran Anggota 6% berjumlah RM1,044,200.00.
 - h) Honorarium Lembaga Koperasi berjumlah RM48,000.00.
 - i) Kumpulan Wang Penebusan Syer berjumlah RM10,000.00.
 - j) Tabung Kebajikan Anggota berjumlah RM11,800.00.
 - k) Tabung Saham Akhirat berjumlah RM30,000.00.
- Perwakilan sebulat suara bersetuju dan meluluskan pembahagian keuntungan tahun 2023 seperti diatas.

7.1.2 Baki Keuntungan selepas lain-lain pembahagian adalah RM600,279.64 campur pelarasan bukan operasi (RM551,686.47). Keuntungan terkumpul pada awal tahun 2023 sebanyak RM12,744,770.94 dan keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2023 sebanyak RM12,793,364.11.

7.1.3 Pengerusi memaklumkan bahawa pelarasan bukan operasi berjumlah (RM551,686.47) adalah seperti berikut:

PELARASAN BUKAN OPERASI	2023 (RM)
Pelarasan Ke Atas Baki Peruntukan Dividen (Terkurang)/Terlebih Catat	(9,329.03)
Pelarasan Honorium Anggota Lembaga Koperasi Terlebih Catat	6,000.00
Pelarasan Baki Pembiayaan Bank Mualamat Terkurang Catat	(827,589.00)
Pelarasan Tabung Kredit Berkelompok Terlebih Catat	206,666.35
Peruntukan Zakat Perniagaan Terlebih Catat	70,991.81
Peruntukan Yuran Audit Terlebih Catat	1,573.40
Jumlah	(551,686.47)

7.1.4 Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat penghutang perdagangan yang tidak berbayar seperti berikut:

BIL	PENGHUTANG PERDAGANGAN	RM
1.	Visi Wibawa Sdn Bhd	232,700.00
2.	BW Gallery Sdn Bhd	40,034.68
	Jumlah	272,734.68

Pengerusi seterusnya memohon persetujuan perwakilan untuk menghapus kira penghutang perdagangan di atas mengikut jadual peruntukan hutang lapuk dan ditolak dalam pembahagian keuntungan.

- Perwakilan sebulat suara bersetuju dan menerima laporan tersebut.

AGENDA 8 : MENIMBANG SERTA MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2025.

- 8.1 En Zainuddin bin Hj. Ngah Rabu (Bendahari KOBANAS) seterusnya merujuk muka surat 102 hingga 104, yang merupakan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2025 di mana Jumlah Keuntungan Atas Pembiayaan yang dijangkakan sebanyak RM5,676,000 diikuti Jumlah Pendapatan dari Komisyen RM300,000 Sewaan Bangunan RM730,000.00 dan Jumlah Lain-lain Pendapatan RM673,000.00. Jumlah Besar Pendapatan Bersih bagi tahun 2025 adalah dijangkakan sebanyak RM8,952,000.
- 8.2 Pada muka surat 103, jumlah Perbelanjaan Lembaga adalah sebanyak RM244,000 Perbelanjaan JAD RM23,000 dan Perbelanjaan Kakitangan RM2,741,000.
- 8.3 Pada muka surat 104, Perbelanjaan Pentadbiran ialah RM835,000, Perbelanjaan Penyelenggaraan Harta Tetap berjumlah RM220,000 serta Jumlah Perbelanjaan keseluruhan adalah RM5,426,000. Jangkaan Untung Bersih bagi tahun 2025 berjumlah RM3,526,000.
- Perwakilan sebanyak suara bersetuju dan menerima laporan tersebut.

AGENDA 9 : MEMILIH ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT BILANGAN KEKOSONGAN BAGI TAHUN 2024/2025

- 9.1 En. Muhamad Zairi bin Abdullah (Pengerusi Jawatankuasa Badan Peneliti) memaklumkan bahawa Notis MAPT telah dikeluarkan pada 1 Jun 2024. Berdasarkan peraturan, empat (4) ALK wajib mengosongkan jawatan.
- 9.2 Beliau memaklumkan senarai nama-nama ALK yang wajib mengosongkan jawatan kerana telah tamat tempoh perkhidmatan seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	En. Hamzah bin Hj Ibrahim	Anggota Lembaga Koperasi
2.	En. Mohamad Khasnieddy bin Khasimi @ Mohamed	Anggota Lembaga Koperasi
3.	En. Mohd Kamaruzaman bin Nor	Anggota Lembaga Koperasi
4.	En. Izham bin Ismail	Anggota Lembaga Koperasi

Sebanyak empat (4) borang pencalonan telah diterima pada 13 Jun 2024 jam 4.00 petang oleh pihak Jawatankuasa Badan Peneliti. Setelah disemak dan disahkan, kesemua calon layak bertanding bagi sesi 2024/2025.

- 9.3 Memandangkan hanya empat (4) calon sahaja yang telah mengemukakan borang pencalonan bagi mengisi empat (4) kekosongan jawatan ALK, maka Jawatankuasa Badan Peneliti telah mengesahkan kesemua calon menang tanpa bertanding dan dilantik semula.

Maka dengan ini Badan Peneliti mengesahkan penama di bawah bagi mengisi empat (4) kekosongan ALK bagi sesi 2024/2025.

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	En. Hamzah bin Hj Ibrahim	Anggota Lembaga Koperasi
2.	En. Mohamad Khasnieddy bin Khasimi @ Mohamed	Anggota Lembaga Koperasi
3.	En. Mohd Kamaruzaman bin Nor	Anggota Lembaga Koperasi
4.	En. Izham bin Ismail	Anggota Lembaga Koperasi

AGENDA 10 : MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

- 10.1 Pengerusi meminta supaya merujuk pada muka surat 97, elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi adalah seperti dalam Perbelanjaan Lembaga. Beliau memaklumkan bahawa elaun-elaun kehadiran juga dibayar bagi Mesyuarat Pengurusan mingguan, Mesyuarat Khas (projek, JAD, perniagaan Ar-Rahnu) yang diadakan setiap petang Jumaat.
- 10.2 Pengerusi juga membentang kadar-kadar elaun dan kemudahan yang diperolehi oleh semua ALK bagi makluman dan pengetahuan semua perwakilan yang hadir.
- 10.3 Pengerusi memaklumkan mana-mana Lembaga yang memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Risiko dan Pengerusi Projek diberikan kadar elaun tetap bulanan Lembaga sebanyak RM400.00.
- Perwakilan sebulat suara menerima dan bersetuju laporan tersebut.
- 10.4 En. Muhammad Faizal bin Ariffin (Perwakilan Ibu Pejabat) mencadangkan elaun mesyuarat dibayar mengikut kehadiran mesyuarat.
- Pengerusi memaklumkan elaun kehadiran mesyuarat tetap bulanan telah diluluskan pada MAPT kali ke-30 walaupun tidak hadir ke mesyuarat bulanan.
 - Mesyuarat bersetuju pembayaran elaun dikekalkan sepetimana diluluskan pada MAPT kali ke-30.
- 10.5 En. Muhammad Faizal bin Ariffin (Perwakilan Ibu Pejabat) mencadangkan kenaikan elaun Pengerusi sebanyak RM600 manakala Anggota Lembaga Koperasi sebanyak RM400.
- Perwakilan sebulat suara menolak cadangan tersebut.
- 10.6 En. Muhammad Faizal bin Ariffin (Perwakilan Ibu Pejabat) meminta Pengerusi menjelaskan langkah-langkah mengatasi isu pelarasan bukan operasi sebanyak (RM551,686.47).
- Pengerusi menjelaskan langkah-langkah mengatasi ialah melantik Juruaudit Luar baru dan Pengurus Kewangan berkelayakan.
 - Perwakilan sebulat suara menerima dan bersetuju kadar-kadar elaun ALK yang dicadangkan tersebut.

AGENDA 11 : MEMBERI KUASA KEPADA ANGGOTA LEMBAGA MELULUSKAN SKOP PELABURAN KOPERASI TIDAK MELEBIHI RM20 JUTA BAGI TAHUN 2024/2025

- 11.1 Pengerusi memaklumkan Skop Pelaburan KOBANAS dikekalkan sebanyak RM20 juta sepetimana kelulusan tahun 2024.
- Perwakilan sebulat suara menerima dan bersetuju.

AGENDA 12 : MEMBERI KUASA KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PEMBIAYAAN LUAR TIDAK MELEBIHI RM60 JUTA BAGI TAHUN 2024/2025

- 12.1 Pengerusi memaklumkan pada agenda pembiayaan adalah sama seperti kelulusan lepas dan kategori seperti di bawah: -
- a) Pembiayaan bagi modal pusingan pembiayaan Anggota KOBANAS sebanyak RM30 juta.
 - b) Pembiayaan bagi modal pusingan perniagaan Ar-Rahnu sebanyak RM20 juta.
 - c) Pembiayaan pembelian hartanah sebanyak RM10 juta.
- Perwakilan sebulat suara menerima dan bersetuju.

AGENDA 13 : MEMBINCANGKAN DAN MELULUSKAN USUL-USUL ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Tiada Usul

AGENDA 14 : MEMBINCANGKAN DAN MELULUSKAN USUL-USUL YANG DISAMPAIKAN KEPADA SETIAUSAHA SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-31

- 14.1 Pengerusi membentangkan empat belas (14) usul yang diterima daripada Perwakilan. Pada masa yang sama Pengerusi mengingatkan semua perwakilan supaya semua usul yang dikemukakan perlu mengambil kira untuk kelestarian dan kecemerlangan KOBANAS serta lebih berkualiti. Usul yang diterima perlu dibincangkan terlebih dahulu di peringkat Perwakilan bersama Mentor sebelum dibawa ke MAPT.
- 14.2 Empat Belas (14) usul yang diterima adalah daripada Perwakilan:

NEGERI	:	SABAH	
NAMA	:	SUZANNA BINTI RASMAN	NO ANGGOTA : 03725
Bil	Usul		Jawapan
1.	Membuka keanggotaan KOBANAS kepada bekas kakitangan BSN yang telah bersara/tamat perkhidmatan untuk menjadi anggota KOBANAS semula, agar dapat terus menikmati faedah keanggotaan (tanpa had umur) dengan syarat, pernah menjadi anggota KOBANAS sebelum ini. Ini adalah bagi menghargai jasa bekas anggota KOBANAS yang telah sama-sama memajukan KOBANAS sehingga ke tahap ini. Sehubungan dengan ini juga, dicadangkan juga layak untuk sebarang kemudahan seperti mana yang termaktub dalam Undang-undang Kecil KOBANAS, seperti menjadi anggota perwakilan, Anggota Lembaga Koperasi serta layak mendapat kemudahan pembiayaan serta lain-lain manfaat.		Cadangan/usul ditolak. Ulasan Lembaga: Merujuk kepada UUK 11 (pindaan 2022) anggota bersara secara wajib atau pilihan boleh terus mengekalkan keanggotaan mereka dengan KOBANAS. Kelulusan ini telah diputuskan sebulat suara melalui MAPT kali ke-28 bertarikh 04 September 2021 dan pindaan UUK telah diluluskan oleh SKM. Dan berdasarkan aturan keanggotaan bersara (rujuk 4.0 – Keanggotaan) mereka layak dan berhak menikmati kesemua kemudahan kecuali kemudahan pembiayaan berikut mereka tiada sumber kewangan tetap dan ini akan memberi risiko kepada KOBANAS.
NEGERI	:	PERAK	
NAMA	:	ABDUL SAMAD BIN ALANG AHMAD	NO ANGGOTA : 02208
2.	Memohon Pihak Pengurusan KOBANAS Induk untuk mangambil alih Bangunan Perniagaan di Meru, Ipoh, Perak bagi menjadikan ianya sebagai 'Profit Centre'/Sumber pendapatan pihak KOBANAS di Negeri Perak. Cadangan Perwakilan Perak adalah seperti berikut:		Cadangan/Usul diterima. Ulasan Lembaga: Ketika ini bangunan ini masih belum disewa kepada pihak luar dan ianya masih diuruskan oleh pihak KOBANAS. Berdasarkan kepada ketiga-tiga cadangan yang dikemukakan ianya boleh dipertimbangkan dan

	<p>Cadangan 1: Membangun pelan perniagaan baru iaitu Hotel Bajet yang boleh mendatangkan sumber pendapatan KOBANAS. Ini kerana Lokasi bangunan tersebut sangat strategik iaitu berada betul-betul bersebelahan dengan Terminal Bas Aman Jaya Meru Ipoh. Penginapan ini juga dapat digunakan peserta Latihan Institut Koperasi Malaysia (IKMA) yang berada di bangunan sebelah.</p> <p>Cadangan 2: Membangunkan perniagaan sebagai Pusat Integrasi Al-Quran atau Maahad Tahfiz bagi pelajar-pelajar tahfiz sebagai tempat pembelajaran agama serta penglibatan pihak KOBANAS sebagai penaja sepenuhnya kos pembelajaran pelajar-pelajar tersebut melalui Tabung Kutipan Akhirat.</p> <p>Cadangan 3: Menjadikan bangunan Perniagaan KOBANAS di Meru, Ipoh Perak sebagai sebuah tempat Latihan/pembelajaran dengan mengadakan Kerjasama Bersama Institut Koperasi Malaysia (IKMA) Zon Tengah yang berada bersebelahan dengan bangunan KOBANAS menyediakan ruang dan fasiliti lengkap Latihan kepada IKMA atau menyewa untuk kegunaan latihan kepada pihak luar.</p> <p>Perwakilan Perak sedia berkerjasama bersama Pengurusan KOBANAS bagi membantu pengoperasian banguan tersebut pada masa akan datang.</p>	<p>perlu dibuat kajian yang lebih teliti bagi memastikan keputusan yang dibuat memberi manfaat dan pulangan yang baik kepada KOBANAS khasnya dan anggota amnya.</p> <p>ALK akan meneliti dan berbincang serta bersedia bekerjasama bersama Perwakilan Perak dalam membangunkan perniagaan baru sepermata yang dicadangkan.</p>
<p>NEGERI : MELAKA</p> <p>NAMA : AL NAIM BIN JENAL</p> <p>NO ANGGOTA : 03340</p>		<p>Penjelasan Lembaga:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada harta tanah yang dibeli di Kg. Baru. Sekiranya ianya merujuk kepada 3 unit residensi (Hotel Brisdale). "Progress" bayaran yang telah dibuat adalah berjumlah RM666,900 (65%) daripada kos sebenar RM1,026,000. Pendapatan yang akan diperolehi oleh KOBANAS adalah sebanyak

		<p>7% setahun daripada harga kos untuk selama 7 tahun iaitu berjumlah RM72k.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi hartaan di Meru ianya telah dibeli pada tahun 2000 dgn kos RM948k secara tunai. Bangunan ini pernah disewa oleh pihak BSN untuk dijadikan "site office" ketika COVID-19. Anggaran nilai terkini RM1.2 juta. Sepertimana usul 2 KOBANAS dalam proses untuk menjadikan hartaan ini sepertimana Cadangan.
4.	<p>Dicadangkan bilangan jawatan ALK perlu seimbang dari Jabatan/Negeri. Separuh dari Jabatan/Ibu Pejabat. Separuh lagi dari Negeri.</p> <p>Tidak berbangkit dengan isu kos yang akan meningkat kerana mesyuarat boleh dijalankan secara online dan boleh bersemuka sepenuhnya dalam 3@4 kali setahun.</p>	<p>Cadangan / Usul ditolak.</p> <p>Ulasan Lembaga: Semenjak penubuhan KOBANAS komposisi ALK menurut UUK 35 di tetapkan 6 orang daripada Selangor dan Kuala Lumpur dan 6 orang lagi daripada perwakilan lain-lain negeri.</p> <p>Walau bagaimanapun UUK ini telah dibuat pindaan pada tahun 2020 melalui MAPT kali ke-27 bertarikh 22 Ogos 2020 menurut Seksyen 42 Akta dimana komposisi ALK terbuka kepada semua perwakilan yang dilantik. Pindaan UUK ini dilakukan ekoran tiada sambutan daripada perwakilan negeri untuk bertanding jawatan ALK.</p> <p>Untuk makluman juga tindakan mesyuarat secara online bagi ALK yang berada di luar juga telah dilaksanakan bagi mengurangkan kos.</p>
	<p>Dicadangkan juga dihadkan kepada maksimum 2 perwakilan dari satu-satu Jabatan/Negeri yang boleh dilantik ke jawatan ALK dan 2 penggal bagi yang telah menjadi ALK. Jika ada ALK yang masih berminat untuk menjadi ALK, beliau perlu direhatkan selama 1 penggal dan boleh bertanding pada penggal yang berikutnya. Bagi kekosongan jawatan ALK yang berbaki kurang dari 6 bulan dari tarikh penggal lantikan berakhir. Dicadangkan tidak membuat lantikan oleh Lembaga secara terus dimana kekosongan perlu melalui proses pertandingan/pemilihan biasa semasa MAPT berlangsung. Scenario ini akan memberi peluang kepada perwakilan baru yang ada kemahiran dan pengetahuan memperkasakan KOBANAS dengan lebih baik lagi.</p>	<p>Cadangan / Usul ditolak.</p> <p>Ulasan Lembaga: Menurut UUK 35, 36 dan 37 kesemua perwakilan yang layak perlu diberi hak/peluang untuk bertanding tanpa sekatan dan inilah yang diterapkan oleh KOBANAS supaya ianya lebih telus. Menurut Peraturan2 18 (4) Akta - mana-mana ALK yang mengosongkan jawatan boleh dilantik semula.</p> <p>Menurut UUK 37 (4) kekosongan jawatan ALK hendaklah dalam masa enam puluh (60) hari Lembaga melantik mana-mana perwakilan yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan tersebut. Tempoh lantikan adalah sehingga MAPT akan datang. ALK "sementara" tersebut perlu menawarkan diri untuk melalui proses penentusah oleh SKM. Pencalonan ALK ini</p>

		<p>adalah merujuk GP14 - Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi.</p> <p>Makluman: Status rumah rehat KOBANAS</p> <p>Penjelasan Lembaga:</p> <p>Rumah rehat Johor</p> <p>Pembelian asal 2 unit – 1 unit untuk rumah rehat dan satu lagi untuk pelaburan dan akan dijual sekiranya harga lebih tinggi daripada harga jualan. Buat masa ini perwakilan masih meneruskan aktiviti kedua-dua rumah rehat sepetimana kehendak MAPT.</p> <p>Rumah rehat Sabah & Sarawak – setiap 1 unit/negeri masih beroperasi sebagaimana kehendak MAPT.</p> <p>Rumah rehat Melaka dan Pahang telah mendapat kebenaran perwakilan bagi diambil alih oleh Pejabat KOBANAS untuk disewakan sepenuhnya kepada penyewa yang berminal.</p> <p>Manakala rumah rehat di Terengganu juga telah mendapat kebenaran perwakilan untuk diserahkan kepada Pejabat KOBANAS. Walau bagaimanapun, ALK telah memutuskan untuk membuka semula rumah rehat tersebut dan diurus selia oleh Pejabat KOBANAS di Cawangan Terengganu. Rumah rehat Terengganu akan dijadikan sebagai model, sekiranya diizinkan dan perolehi keuntungan, aktiviti ini akan diperluaskan terutamanya di Terengganu dan Lembah Klang (kawasan tumpuan pelancong dll). Disamping itu, kemudahan anggota juga tidak dilupakan dengan memberikan kadar nilai yang diputuskan MAPT sebelum ini.</p> <p>Tujuan asal pembelian harta tanah ini adalah untuk menggalakkan perwakilan menjalankan aktiviti di negeri disamping membantu memberikan kemudahan kepada anggota dan mendapatkan penginapan sama ada semasa bercuti atau tujuan lain pada harga yang rendah. Rumah rehat ini akan diuruskan sendiri oleh perwakilan negeri.</p> <p>ALK telah membuat keputusan untuk menyewa atau menjual pada harga yang lebih tinggi daripada harga kos.</p>
5.	<p>Pada 04/01/2024, KOBANAS ada memaklumkan tentang penjualan aset iaitu:-</p> <p>Rumah Rehat Johor/Terengganu/Kuantan. Mohon penjelasan secara terperinci justifikasi kenapa aset perlu dijual dan jika aset-aset tersebut berjaya dijual, hasil jualan akan digunakan untuk tujuan apa? Sedangkan potongan gaji RM5.00 dibuat ke atas akaun anggota bagi tujuan penyelenggaraan rumah rehat.</p>	

		<p>Sekiranya berjaya dijual, hasil jualan akan digunakan untuk pembelian aset baru yang berpotensi atau digunakan untuk modal pusingan bagi perniagaan KOBANAS akan datang. (rumah rehat, bangunan atau lain-lain)</p> <p>Sepertimana kelulusan MAPT sebelum ini wang potongan RM5 anggota diletakkan dalam Tabung Penyelenggaraan Homestay dan ianya digunakan khas bagi tujuan menyelenggaraan Homestay.</p>
NEGERI	:	KUALA LUMPUR
NAMA	:	MOHD SAINI BIN MOHD SHARIFF
		NO ANGGOTA : 05406
6.	Pinjaman Caruman KWSP RM50,000 untuk Anggota berusia 53 tahun & 54 tahun. Faedah sama 6.50% setahun tiada potongan gaji, bayaran semasa umur 55 tahun. Keuntungan baru kepada KOBANAS.	<p>Cadangan/Usul diterima:</p> <p>Ulasan Lembaga: Cadangan boleh dipertimbangkan, walau bagaimanapun ianya perlu kajian lebih lanjut kerana ianya akan melibatkan pihak lain seperti BSN dan KWSP.</p>
7.	<p>Pembelian Aset</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Peranginan/Riadah/Resort Kemudahan untuk anggota • Untuk Riadah, Mesyuarat & Majlis makan • Keuntungan berterusan • Nilai jualan semula yang akan meningkat • Peluang pekerjaan untuk anggota bersara 	<p>Cadangan/Usul diterima:</p> <p>Ulasan Lembaga: Boleh dipertimbangkan dan ianya perlu kajian yang lebih teliti sebelum dikemukakan untuk kelulusan kerana ianya melibatkan kedudukan kewangan dan juga harta tanah yang sesuai dan berpotensi.</p> <p>Maklumbalas sama dengan usul no.2 dan Cadangan ini adalah baik untuk aktiviti perniagaan KOBANAS pada masa akan datang. Pembelian ini boleh menggunakan kemudahan pembiayaan daripada SKM yang menawarkan kadar keuntungan yang lebih kompetitif.</p> <p>ALK bersedia berbincang dan sedia bekerjasama bersama Perwakilan Kuala Lumpur dalam membangunkan perniagaan baru sepertimana yang dicadangkan.</p>
NEGERI	:	KUALA LUMPUR
NAMA	:	SEFULLAH BIN TAUHID AHMED
		NO ANGGOTA : 04755
8.	Cadangan dari ahli KOBANAS supaya syer dinaikkan dari RM50k ke RM60k atau RM70k bergantung kepada kewangan KOBANAS.	<p>Cadangan/Usul diterima:</p> <p>Ulasan Lembaga: Bergantung kepada kelulusan MAPT. Cadangan dinaikkan sehingga 60K Sahaja.</p> <p>Semua Perwakilan sebulat suara menyokong cadangan tersebut.</p>

NEGERI	:	KELANTAN	
NAMA	:	KARTINI BINTI HUSAIN	NO ANGGOTA : 03947
9.	<p>Dicadangkan Jawatankuasa Penilaian Risiko bagi setiap projek/aktiviti/program diwujudkan. Ahli Jawatankuasa dari anggota KOBANAS dan perlu mempunyai latar belakang yang bersesuaian serta berpengalaman dengan menyediakan laporan bagi memastikan setiap projek/aktiviti/program KOBANAS akan berjalan dengan baik dan Jawatankuasa tersebut juga akan mengemukakan laporan kepada Penasihat KOBANAS.</p> <p>Saya berpandangan ahli Jawatankuasa tersebut perlu melalui tapisan pihak Pengurusan BSN.</p>	<p>Cadangan/Usul ditolak:</p> <p>Ulasan Lembaga:</p> <p>Cadangan penubuhan Jawatankuasa Penilaian Risiko ini telah termaktub dalam Garis Panduan (GP 27) yang dikeluarkan di bawah Seksyen 86 (B) Akta Koperasi 1993 untuk mengariskan prinsip umum dan piawaian minimum serta keperluan tadbir urus untuk amalan koperasi. Satu aturan baru iaitu "Tadbir Urus KOBANAS" yang akan dibentangkan semasa Agenda 17 di MAPT kali ke-31 ini.</p> <p>KOBANAS tidak perlu mengemukakan laporan untuk setiap aktiviti KOBANAS kepada pihak luar kerana ianya menyalahi PDPA dan menurut UUK 84 (2) dimana – apa-apa urusan koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibacakan sekali.</p> <p>Meskipun begitu Pengerusi, Naib Pengerusi & Setiausaha sentiasa memaklumkan perkembangan dan prestasi semasa KOBANAS kepada Penaung dan Penasihat dari masa ke semasa.</p>	
10.	<p>Pindaan ke atas aturan para 6.1 & 6.2 dimana peserta tidak dibenarkan untuk terus mengekalkan jawatan yang disandang (ALK/ 4 JAWATAN TERTINGGI) serta lantikan semula bagi memberi peluang kepada anggota/perwakilan yang masih bekerja yang mana anggota/perwakilan akan diberikan markah dalam PMS tahunan serta peluang menyambung kemahiran dan pengetahuan dalam membawa koperasi kearah lebih baik dan telus. Pesara boleh dikekalkan jadi anggota tanpa sebarang jawatan ALK.</p> <p>Manual : ATURAN KEANGGOTAAN BSN BESARA WAJIB/PILIHAN Organisasi : KOPERASI KAKITANGAN BSN BERHAD (KOBANAS), Tarikh Lulus : 17 Jun 2023 Kelulusan : Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 30, Indeks : 1.0</p>	<p>Cadangan/Usul diterima:</p> <p>Ulasan Lembaga:</p> <p>Aturan Keanggotaan Kakitangan Bersara Wajib/Pilihan yang telah diluluskan dalam MAPT sebelum ini, didapati tidak dinyatakan dengan jelas berkaitan penggunaan Akta dan GP yang perlu dipatuhi secara terperinci. Ini akan mengakibatkan aturan ini boleh berlaku percanggahan dan pertikaian sesama anggota masih berkerja dengan anggota yang telah bersara.</p> <p>Menurut UUK KOBANAS di muka surat 1 juga mentafsirkan berkaitan "anggota" dan juga di Bahagian IV, dinyatakan keanggotaan serta kelayakan sebagaimana anggota bekerja atau bersara dibolehkan untuk bertanding sebagai perwakilan dan seterusnya layak untuk bertanding sebagai ALK di MAPT.</p> <p>Cadangan:</p>	

	<p>6.0 KELAYAKAN SEBAGAI ALK</p> <p>6.1 ALK yang bakal/telah bersara wajib/pilihan boleh terus kekal memegang atau mengekalkan jawatan tersebut sehingga habis tempoh penggal. ALK yang bakal/telah bersara masih boleh terus bertanding di MAPT sekiranya mendapat kebenaran daripada Mesyuarat ALK dan perlu mendapat mandat (menang) dalam pemilihan MAPT.</p> <p>6.2 Lantikan semula (jika perlu) adalah tertakluk kepada cadangan dan kelulusan Mesyuarat ALK.</p> <p>Mohon setiap aturan/kelulusan perlu diletakkan didalam portal KOBANAS bagi memudahkan anggota akses kepada maklumat terutama selepas setiap MAPT berlangsung.</p>	<p>Dicadangkan aturan ini digunakan seperti mana kelulusan MAPT kecuali di perkara 5.0 dan 6.0 (digugurkan sementara) dimana aturan ini perlu diperincikan semula mengikut arahan & garis panduan (GP) SKM yang lebih jelas agar ia memberikan peluang kepada ALK yang masih berkerja. Dicadangkan anggota bersara tidak disokong untuk memegang sebarang jawatan ALK selepas bersara.</p> <p>Aturan yang baru perlu dibentangkan semula untuk kelulusan MAPT tahun hadapan. Aturan tersebut perlu dirujuk dengan bantuan pihak SKM sebelum dibawa untuk kelulusan MAPT akan datang.</p> <p>Tindakan akan dilakukan.</p>
11.	<p>Pindaan kepada Usul no 2, Usul Anggota Lembaga Koperasi yang diluluskan 17/06/2023:</p> <p>Mana-mana perwakilan baru sesi 2025/2027 yang terpilih perlu menghadiri 2 kursus koperasi dalam tempoh 1 tahun daripada Tarikh lantikan sebagai perwakilan, digalakkan perwakilan menghadiri kursus wajib 1 & wajib 2.</p> <p>Apakah Usul ini boleh dijadikan alasan untuk perwakilan atau anggota KOBANAS dihalang untuk menghadiri selain dari kursus yang dinyatakan dengan tidak akan menanggung semua kos yang sepatutnya ditanggung oleh KOBANAS yang mana kursus yang ingin dihadiri itu memberi pengetahuan dan pencerahan yang lebih baik kepada KOBANAS.</p>	<p>Cadangan/Usul ditolak:</p> <p>Ulasan Lembaga: Usul kehadiran kursus ini juga telah dibincangkan dan diluluskan melalui usul ALK di MAPT kali ke-30, 17 Jun 2023.</p> <p>Usul ini adalah bagi memberi pendedahan kepada perwakilan mengenai perkara berikut:</p> <p>Wajib 1 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi Wajib 2 - Pengurusan Kewangan Koperasi Wajib 3 - Pengurusan Strategik</p> <p>Kursus-kursus awalan ini penting kepada perwakilan agar tahu bagaimana untuk menguruskan sesebuah koperasi. Pihak KOBANAS tiada halangan untuk mana-mana perwakilan untuk menghadiri kursus atau seminar di kawasan jajahan perwakilan negeri masing-masing dan tidak digalakkan untuk menghadiri kursus atau seminar yang dianjurkan di luar kawasan pentadbiran perwakilan. Ini memberikan peluang dan keutamaan kepada perwakilan negeri tersebut.</p> <p>Sebagai contoh: Sekiranya seminar dijalankan di Wilayah Persekutuan, adalah digalakkan dihadiri oleh ALK daripada Wilayah Persekutuan dan sekiranya terdapat perwakilan yang ingin menyertai adalah digalakkan perwakilan</p>

		<p>dari pada Ibu Pejabat @ Kuala Lumpur sahaja agar memberikan peluang dan menjimatkan masa serta kos dan tidak membebankan perwakilan luar kawasan hadir.</p> <p>Lagipun, kebanyakan seminar yang dianjurkan sama ada SKM, Angkasa atau IKMa, menggalakkan kehadiran ALK atau Pengurusan Kanan agar memberikan nilai tambah dan pengetahuan Tadbir Urus Koperasi dan pentadbiran.</p> <p>Walau bagaimanapun perwakilan digalakkan untuk menghadiri kursus wajib 1, 2 & 3 terlebih dahulu agar perwakilan tahu tugas dan tanggungjawab mereka selaku perwakilan KOBANAS.</p>									
12.	<p>Perlu diwujudkan serta merta SOP berkaitan dengan tatacara Pengurusan Operasi/ Kewangan/ Sumber Manusia selari dengan UUK bagi melicinkan Aktiviti KOBANAS. Tatacara Pengurusan BSN boleh dijadikan panduan serta mendapat pandangan dari Penaung serta Penasihat KOBANAS dalam merangka SOP berkaitan terutama keperluan kepada SOP Kewangan yang selari dengan keadaan semasa terkini.</p> <p>Saya berpandangan SOP perlu disediakan didalam tempoh 3 bulan dari Tarikh kelulusan MAPT kali ke-31 ini dan boleh digunakan pada Oktober 2024.</p>	<p>Cadangan/Usul ditolak:</p> <p>Ulasan Lembaga: Merujuk UUK KOBANAS, istilah SOP tidak digunakan di Koperasi manakala istilah yang dipraktikkan adalah Arahan, Aturan dan Garis Panduan (GP) SKM yang diperlukan dibacakan sekali dalam menguruskan sesebuah koperasi.</p> <p>Koperasi dibenarkan untuk membangunkan aturannya sendiri mengikut ketetapan yang digariskan melalui Akta, GP dan UUK oleh SKM. Terdapat sebanyak 31 aturan yang telah dibangunkan di KOBANAS dan ia selari dengan UUK dan GP SKM.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Aturan pembiayaan – 17 aturan 2. Lain-lain aturan operasi – 13 aturan 3. Kewangan - GP23 4. Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan <p>UUK 84 (2) dimana - apa-apa urusan koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibacakan sekali.</p> <p>Pihak Pengurusan KOBANAS akan menilai semula keperluan membangunkan aturan-aturan selain diatas (sekiranya perlu).</p>									
<table border="1"> <tr> <td>NEGERI</td> <td>:</td> <td>IBU PEJABAT</td> </tr> <tr> <td>NAMA</td> <td>:</td> <td>YASMAN BIN HAMID</td> </tr> </table>		NEGERI	:	IBU PEJABAT	NAMA	:	YASMAN BIN HAMID	<table border="1"> <tr> <td>NO ANGGOTA</td> <td>:</td> <td>05625</td> </tr> </table>	NO ANGGOTA	:	05625
NEGERI	:	IBU PEJABAT									
NAMA	:	YASMAN BIN HAMID									
NO ANGGOTA	:	05625									
13.	Memohon elaun kehadiran Perwakilan yang ke Tanah suci Makkah menunaikan Haji di ambil kira sebagai hadir atas sebab yang tidak dapat dielakkan setelah Tarikh	<p>Cadangan/Usul diterima.</p> <p>Ulasan Lembaga: Elaun yang disediakan hanya untuk perwakilan yang menghadiri MAPT dan memerlukan</p>									

	Mesyuarat bertindih dengan Tarikh di panggil untuk menunaikan ibadah Haji.	sokongan MAPT sekiranya turut ingin membayar "elaun kehadiran" kepada yang tidak hadir ke MAPT atas urusan rasmi atau urusan yang tidak dapat dielakkan (selain urusan peribadi atau keluarga). Semua Perwakilan bersetuju dan menerima cadangan/ usul tersebut.
NEGERI	: IBU PEJABAT	
NAMA	: MOHD REDZUAN BIN OMAR	NO ANGGOTA : 01567

14. Mencadangkan pihak KOBANAS untuk menjalankan perniagaan parking kereta dengan menyewa tapak/lot tanah dan kaedah pembayaran menggunakan "touch & go".

Cadangan/Usul diterima:

Ulasan Lembaga:
Usul ini juga perlu kajian dengan lebih teliti kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang tinggi. Pihak KOBANAS akan membuat kajian terlebih dahulu sebelum ianya dilaksanakan

AGENDA 15 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI, JIKA ADA

15.1 Berikut adalah cadangan pindaan Undang-undang Kecil KOBANAS untuk dibincangkan.

UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN
Fungsi Mesyuarat Agung Perwakilan 33. (1) (m) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;	Fungsi Mesyuarat Agung Perwakilan 33. (1) (m) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan. Sekiranya usul melibatkan implikasi kewangan KOBANAS ianya hendaklah dibincangkan oleh Anggota Lembaga Koperasi. Selepas kajian baru boleh dibawa ke MAPT tahun berikutnya untuk kelulusan.
Pemberian Pembiayaan oleh Koperasi 65. Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada - (a) anggotanya, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan; (b) pekerjanya, termasuk ketua pegawai eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat-syarat gunakhidmat mereka; atau (c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.	Pemberian Pembiayaan oleh Koperasi 65. Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada - (a) anggotanya, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan; (b) pekerjanya, termasuk ketua pegawai eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat-syarat gunakhidmat mereka; atau (c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya bukan anggota KOBANAS (Kakitangan BSN Sahaja)

- Pindaan UUK (65) ini bertujuan bagi KOBANAS membuka pembiayaan kepada bukan anggota khas untuk kakitangan BSN sahaja.
- Perwakilan sebulat suara bersetuju dengan cadangan pindaan Undang-undang Kecil Koperasi oleh ALK.

AGENDA 16 : MELULUSKAN PERBELANJAAN KEPADA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 16.1 Pengerusi membentangkan Perbelanjaan JAD berjumlah RM23,000 berbanding (RM22,500) bagi tahun 2024 merujuk kepada muka surat 103.
- Perwakilan sebulat suara menerima dan bersetuju.

AGENDA 17 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT AKTA DAN PERATURAN/ATURAN (JIKA ADA)

- 17.1 Aturan tadbir urus KOBANAS.

- 17.1.1 Pengerusi menjelaskan aturan tadbir urus KOBANAS pada Sesi Bicara Ilmu dan Hala Tuju Koperasi yang diadakan pada 22 Jun 2024 jam 3.00 petang.
- Perwakilan sebulat suara menerima dan bersetuju.

AGENDA 18 : MELANTIK JURUAUDIT LUAR

- 18.1 Pengerusi mencadangkan agar ALK diberi kuasa memilih dan melantik Juruaudit Luar.
- Perwakilan sebulat suara menerima dan bersetuju.

AGENDA 19 : UCAPAN PENANGGUHAN

- 19.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua Perwakilan yang hadir pada MAPT kali ke-31. Beliau memohon maaf bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi seandainya terdapat kesilapan atau terkasar bahasa semasa beliau mempengerusikan mesyuarat pada kali ini.
- 19.2 Pengerusi menasihatkan agar semua Anggota Lembaga Koperasi dan para Perwakilan dapat menjalankan tugas dengan penuh berintegriti ke arah kemajuan dan kecemerlangan KOBANAS.
- 19.3 Beliau juga mengingatkan semua yang hadir agar lebih peka kepada Aturan & Etika Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan supaya tidak menyentuh isu-isu sensitif dan menghormati keharmonian mesyuarat.
- 19.4 Sepertimana kelulusan usul ALK pada MAPT kali ke-30, Pengerusi mengingatkan agar semua perwakilan menghadiri kursus wajib 1, 2 dan 3 bagi memperolehi pengetahuan mengenai pengurusan koperasi di samping itu, dapat sama-sama membantukan KOBANAS.
- 19.5 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.44 pagi, 23 Jun 2024.

PENCATAT MINIT 1



(NURUL ASYIQIN BINTI KHAIRI MUHAR)
Eksekutif Sokongan & Perniagaan

PENCATAT MINIT 2




(SYAHIDA BINTI RASLI)
Eksekutif Sumber Manusia & Pentadbiran

PENCATAT MINIT 3



(NURUL SALSAABIJA BINTI MOHD NOOR)
Eksekutif IT

**PERAKUAN JAWATANKUASA PENENTUSAH
MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOBANAS KALI KE-31**

BIL	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1.	En. Rosafandi bin Hj. Rusli	Anggota Lembaga Koperasi	
2.	En. Izham bin Ismail	Anggota Lembaga Koperasi	
3.	En. Mohd Kamaruzaman bin Nor	Anggota Lembaga Koperasi	
4.	En. Megat Zulkifli bin Megat Mohamad	Anggota Lembaga Koperasi	
5.	En. Sefullah bin Tauhid Ahmed	Perwakilan Kuala Lumpur	
6.	En. Mohammed Nijam bin Johari	Perwakilan Kuala Lumpur	
7.	En. Anas Asri bin Othman	Perwakilan Kuala Lumpur	
8.	En. Mohd Redzuan bin Omar	Perwakilan Ibu Pejabat	
9.	Pn. Zahariah binti Abdullah	Perwakilan Ibu Pejabat	
10.	En. Muhammad Faizal bin Ariffin	Perwakilan Ibu Pejabat	

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN 2024

Saya selaku Pengerusi Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad dengan rasa rendah hati dan sukacitanya membentangkan Laporan Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS) bersama Akaun Beraudit, Laporan Juruaudit Luar dan Laporan Juruaudit Dalam bagi tahun kewangan 2024 serta ulasan dan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi tahun kewangan 2023. Laporan ini dibentangkan untuk mendapat kelulusan anggota perwakilan semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 32.

Bagi tahun kewangan 2024, KOBANAS telah memperolehi pendapatan berjumlah RM9,654,695 berbanding tahun 2023 berjumlah RM8,726,286 iaitu peningkatan sebanyak RM928,409 (10.63%). Bagi tahun kewangan 2024, KOBANAS telah memperolehi keuntungan bersih berjumlah RM4,051,374 berbanding RM3,366,528 tahun 2023 iaitu peningkatan sebanyak RM684,846 (20.35%). Berdasarkan kepada prestasi ini KOBANAS bukan saja mampu mengekalkan keuntungan malah dapat meningkatkan keuntungan bagi tahun kewangan 2024.

Ini adalah merupakan tahun ke dua puluh lima (25) berturut-turut KOBANAS telah mencatat keuntungan. Keuntungan yang konsisten dari tahun ke tahun ini, adalah merupakan hasil tadbir urus yang baik dan pengurusan kewangan yang berkesan sepertimana yang dikehendaki oleh anggota serta mengikut segala peraturan yang disarankan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Pembiayaan Anggota

Aktiviti pembiayaan kepada anggota masih lagi menjadi teras utama aktiviti perniagaan KOBANAS dimana jumlah keseluruhan amaun pembiayaan setakat 31 Disember 2024 adalah berjumlah RM44,831,186 iaitu peningkatan sebanyak RM1,434,495 (3.31%) berbanding tahun 2023 sebanyak RM43,396,691. Jumlah pendapatan daripada aktiviti pembiayaan ini pada tahun 2024 berjumlah RM5,327,534 berbanding tahun 2023 berjumlah RM4,824,400 dengan peningkatan sebanyak RM503,134 (10.43%).

Modal Syer Anggota

Modal Syer Anggota menunjukkan peningkatan daripada RM12,890,490 pada 31 Disember 2023 kepada RM13,751,660 pada 31 Disember 2024 iaitu peningkatan sebanyak RM861,170 (6.68%). Peningkatan ini disebabkan oleh keyakinan anggota terhadap KOBANAS serta sumbangan aktif daripada perwakilan negeri dalam menggalakkan penambahan syer.

Modal Yuran Anggota

Modal Yuran Anggota adalah meningkat daripada RM19,013,985 pada 31 Disember 2023 kepada RM20,219,951 pada 31 Disember 2024 iaitu peningkatan sebanyak RM1,205,984 (6.35%). Peningkatan modal yuran ini menunjukkan keyakinan anggota untuk terus mencarum melalui potongan gaji dan prestasi kewangan yang baik terutamanya dari segi pembayaran dividen yang konsisten setiap tahun.

Keanggotaan Koperasi

Keanggotaan KOBANAS menunjukkan penurunan daripada 4,433 orang anggota pada akhir tahun 2023 kepada 4,419 orang anggota pada akhir tahun 2024, dengan perbezaan seramai 14 orang (1.03%). Penurunan ini disebabkan oleh faktor persaraan, penamatan perkhidmatan, serta pembatalan keanggotaan secara sukarela. Meskipun begitu, pihak pengurusan melalui perwakilan negeri akan terus mempergiat usaha promosi dan penjenamaan keanggotaan bagi mengekalkan pertumbuhan mampan dari tahun ke tahun akan datang.

Aktiviti Projek

Prestasi aktiviti projek-projek bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

Projek	Untung Rugi (RM)		Perbezaan (RM)	Peratusan %	Catatan
	2024	2023			
Ar-Rahnu	869,043	310,892	558,152	179.54%	Peningkatan
Kantin Wisma BSN	86,219	131,852	(45,633)	-34.61%	Penurunan
Tempat Letak Kereta	79,193	46,147	33,046	71.61%	Peningkatan
Homestay	25,762	4,450	21,312	478.92%	Peningkatan
Farmasi	(261,813)	(330,253)	68,440	20.72%	Peningkatan

Berdasarkan kepada pernyataan, tiga aktiviti projek iaitu Ar-Rahnu, Tempat Letak Kereta dan Homestay menunjukkan prestasi keuntungan yang baik terutama keuntungan Ar-Rahnu yang amat mengalakkan. Pihak Lembaga yakin dengan prestasi perniagaan ini akan meningkat dari tahun ke tahun. Manakala aktiviti projek Kantin mengalami sedikit penurunan keuntungan tahun 2024 jika dibandingkan dengan pencapaian tahun 2023. Aktiviti Farmasi pula mencatatkan peningkatan dalam prestasi perniagaan. Walaubagaimana pun, ia perlu diberikan perhatian penghusus untuk penambahbaikan perniagaan bagi yang melibatkan kos operasi dan barang runcit.

Pelaburan Hartanah

Melalui aktiviti pelaburan harta tanah, KOBANAS telah pun mempunyai 18 harta tanah melibatkan bangunan rumah kedai, kondominium, rumah teres dan 3 unit residensi Brisdale Hotel. Kos belian keseluruhan adalah berjumlah RM16 juta. Anggaran harga semasa keseluruhan harta tanah ini melebihi RM20 juta. Senarai harta tanah adalah seperti berikut :

Bil	Jenis Harta	Lokasi	Kos Belian (RM)
1	Rumah kedai 3 tingkat	Wangsa Melawati, Kuala Lumpur	700,000
2	Rumah kedai 4 tingkat	Bandar Seri Putra Bangi Selangor	1,987,000
3	Rumah kedai 3 tingkat	Wangsa Maju, Kuala Lumpur	1,500,000
4	Rumah berkembar 1 tingkat	Pantai Batu Hitam, Kuantan, Pahang	270,000
5	Rumah kedai 3 tingkat	Bandar Meru Raya Ipoh, Perak	948,000
6	Rumah berkembar 1 tingkat	Mukim Kuala Nerus, Terengganu	290,000
7	Tanah	Cabang Tiga, Kuala Terengganu	2,150,000
8	Rumah teres 2 tingkat	Mukim Bukit Piatu, Melaka Tengah	310,000
9	Apartment 2 unit	Austin Hills, Johor Bharu	800,920
10	Rumah kedai 4 tingkat	Jelatek Business Park Kuala Lumpur	2,450,000
11	Rumah kedai 2 tingkat	Larkin Jaya, Johor Bharu	500,000
12	Rumah kedai 3 ½ tingkat	Kuala Terengganu	1,980,000
13	Apartment 3 bilik	Marina Court Kota Kinabalu	750,000
14	Apartment SOHO	Metrocity Square, Kuching Sarawak	419,000
15	3 unit Residensi	Bridsdale Hotel, Kuala Lumpur	1,026,000
JUMLAH			16,080,920

Daripada keseluruhan aktiviti pelaburan harta ini KOBANAS telah berjaya memperolehi pendapatan sewaan berjumlah RM647,485 pada tahun 2024 dan ianya dijangka meningkat pada tahun 2025.

Jenis Harta	Lokasi	Status	Pendapatan Tahunan (RM)
Rumah Kedai	Wangsa Melawati, Kuala Lumpur	Disewakan	72,000
	Bandar Seri Putra Bangi Selangor		192,000
	Wangsa Maju, Kuala Lumpur		33,600
	Jelatek Business Park Kuala Lumpur		33,600
	Kuala Terengganu		33,600
	Larkin Jaya, Johor Bharu		46,600
Rumah Teres	Pantai Batu Hitam, Kuantan, Pahang	Ditamatkan- pada Nov 2024	9,600
	Mukim Bukit Piatu, Melaka Tengah		8,400
Bangunan	Cabang Tiga, Kuala Terengganu	Ditamatkan- pada Nov 2024	218,085
			Jumlah
			647,485

Dividen

Bagi tahun kewangan 2024, Anggota Lembaga Koperasi telah bersetuju mencadangkan pembayaran dividen pada kadar 10% atas saham dengan jumlah dividen sebanyak RM1,295,000 dan 8% atas yuran bulanan sebanyak RM1,484,000 dengan jumlah keseluruhan pembayaran dividen anggaran sebanyak RM2,779,000 yang telah diperuntukkan. Pembayaran dividen ini adalah bergantung kepada pencapaian keuntungan KOBANAS dan ia akan dikembalikan semula kepada anggota dalam bentuk dividen.

Pengiktirafan

Dari segi pencapaian peringkat nasional, KOBANAS masih diiktiraf antara 100 koperasi terbaik seluruh negara dengan menduduki tempat ke 69 daripada 15,800 buah koperasi yang ada di seluruh negara. Pengurusan KOBANAS berasa bangga dengan pengiktirafan ini dan akan terus memperbaiki prestasi KOBANAS agar berada di landasan yang betul dengan bersandarkan kepada peraturan-peraturan serta arahan-arahan yang dibuat oleh pihak SKM.

Pelan Perancangan Strategik 2021-2024

Berdasarkan kepada pelan perancangan strategik 2021 – 2024 pencapaian telah diperolehi melebihi 90% daripada perancangan yang telah dibuat.

No	Perniagaan Telah Dilancarkan	Lokasi
1	Ar-Rahnu 1	Setiawangsa
2	Ar-Rahnu 2	Kuala Terengganu
3	Farmasi 1	Alam Budiman
4	Farmasi 2	Wangsa Melawati

KOBANAS juga telah melancarkan **satu lagi cawangan Ar-Rahnu di Alam Damai Perdana, Cheras** pada Januari 2025, dan kini dalam proses persiapan untuk membuka cawangan baharu di **Meru, Ipoh** yang dijangka mula beroperasi pada 1 Julai 2025. Perluasan ini adalah sebahagian daripada strategi pertumbuhan kerana perniagaan Ar-Rahnu terbukti menyumbang secara signifikan kepada pendapatan koperasi.

Penghargaan

Saya mewakili Anggota Lembaga Koperasi KOBANAS dengan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

1. Suruhanjaya Koperasi Malaysia
2. ANGKASA
3. Pengurusan Tertinggi BSN
4. Perwakilan dan anggota KOBANAS yang setia memberikan sokongan dan kerjasama kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk mentadbir KOBANAS
5. Semua kakitangan Pengurusan KOBANAS di atas sumbangan, usaha dan jasa mereka dalam melaksanakan tanggungjawab bagi menjayakan misi dan visi KOBANAS.

Sekian, terima kasih.



(HAMZAH BIN HJ. IBRAHIM)

Pengerusi KOBANAS

LAPORAN JURUAUDIT DALAMAN

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM KE ATAS PENYATA KEWANGAN KOBANAS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Pengenalan:

Mengikut kuasa Akta Koperasi 1993, Seksyen 49 (1) & (2) serta kaedah-kaedah yang diperuntukan di bawahnya dan Undang-Undang Kecil Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS), Ahli Lembaga Koperasi (ALK) telah melantik Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) bagi memastikan tanggungjawab dan hal ehwal KOBANAS dijalankan mengikut matlamat penubuhan Undang-Undang Kecil serta keputusan Mesyuarat Agung.

Keanggotaan JAD KOBANAS bagi sesi 2024/2025 telah diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ke-387 (06/2024) pada 03.08.2024 berkuatkuasa pada 1 Ogos 2024 adalah seperti berikut:

NO	NAMA	JAWATAN
1	En. Rosli bin Hussin	Pengerusi
2	En. Mohd Abkahalisatul Rohaizad bin Abd Karim	Setiausaha
3	En. Syafeq Effendi bin Ramli	Anggota
4	En. Mohd Taufik bin Ismail	Anggota

Bagi menjalankan tanggungjawab dan peranan sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Koperasi 1993 serta Undang-Undang Kecil KOBANAS, pihak JAD telah mengaudit Penyata Kewangan KOBANAS bagi tahun berakhir setakat 31 Disember 2024.

Laporan Prestasi Kewangan dan aliran tunai KOBANAS bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024 serta pemerhatian dan cadangan JAD melalui siri pengauditan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024/2025 adalah seperti berikut:

1. Peningkatan Jumlah Aset Bagi Tahun Kewangan 2024 berbanding 2023

Berdasarkan Kunci Kira-Kira Penyata Kewangan Berakhir setakat 31.12.2024, Jumlah Aset Kobanas (Aset Bukan Semasa & Aset Semasa) berjumlah RM102,443,802.93, meningkat 10.71% (RM9,908,304.73) berbanding RM92,535,498.20 pada tahun 2023.

Peningkatan yang ketara melibatkan portfolio Pembiayaan Anggota (RM44,831,186.08), Penghutang Perdagangan (RM16,533,651.53) dan Pelbagai Penghutang (RM15,232,348.17) yang menyumbang kepada peningkatan Jumlah Aset bagi Tahun Kewangan 2024.

Sementara itu Pembiayaan Ar-Rahnu (Penghutang Perdagangan) merekodkan peningkatan sebanyak 38.70% (RM4,521,242.21) kepada RM16,203,610.06 berbanding RM11,682,367.85 bagi Tahun Kewangan 2023. Peningkatan tersebut menunjukkan aktiviti pembiayaan Ar-Rahnu semakin berkembang pesat bagi setiap tahun urusniaga.

Pecahan Jumlah Aset Tahun Kewangan 2024:

Asset	2024 (RM)	2023 (RM)
Aset Bukan Semasa	62,834,729.36	60,800,902.31
Aset Semasa	39,609,073.56	31,603,266.09
Jumlah Aset	102,443,802.93	92,535,498.20

2. Pendapatan Aktiviti Teras/Utama Meningkat Pada Setiap Tahun Kewangan (2022 – 2024)

Pendapatan melalui aktiviti teras/utama KOBANAS menunjukkan perkembangan yang positif di mana berlaku trend peningkatan pada setiap Tahun Kewangan. Pendapatan KOBANAS bagi Tahun Kewangan 2024 berjumlah RM9,654,694.91, meningkat sebanyak 10.64% (RM2,088,758.25) berbanding RM8,726,285.96 (2023). Sementara itu Jumlah Pendapatan bagi Tahun Kewangan 2022 berjumlah RM6,637,527.71.

Pendapatan Daripada Aktiviti, Perbelanjaan serta Keuntungan Bersih untuk tempoh tiga (3) Tahun Kewangan (2022 – 2024) adalah seperti jadual di bawah:

Tahun Kewangan	RM		
	Jumlah Pendapatan	Jumlah Perbelanjaan	Keuntungan Bersih
2024	9,654,694.91	5,603,320.86	4,051,374.05
2023	8,726,285.96	5,359,757.64	3,366,528.32
2022	6,637,527.71	3,639,529.96	2,997,997.75

Antara aktiviti teras/utama yang menyumbang kepada peningkatan Jumlah Pendapatan bagi Tahun Kewangan 2024 adalah seperti berikut:

- Keuntungan Atas Pembiayaan meningkat sebanyak RM503,133.13 (10.43%) kepada RM5,327,533.51 berbanding RM4,824,400.38 pada Tahun Kewangan 2023.
- Ar-Rahnu (Pendapatan Perkhidmatan) meningkat sebanyak RM556,848.70 (45.42%) kepada RM1,782,795.21 berbanding RM1,225,946.51 pada Tahun Kewangan 2023.
- Pendapatan Daripada Aktiviti Farmasi melalui Cawangan Alam Budiman & Wangsa Melawati juga menunjukkan perkembangan yang positif di mana meningkat RM136,448.12 (24.76%) kepada RM687,487.60 berbanding RM551,039.48 pada Tahun Kewangan 2023.

3. Perbelanjaan KOBANAS Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2024

Secara keseluruhannya, Jumlah Perbelanjaan (Kos Aktiviti, Perbelanjaan Am dan Pelbagai Perbelanjaan) tidak menunjukkan peningkatan yang ketara untuk semua portfolio. Bagi Tahun Kewangan 2024, keseluruhan perbelanjaan berjumlah RM5,603,320.86 iaitu berlaku sedikit peningkatan RM243,563.22 (4.54%) berbanding RM5,359,757.64 pada tahun 2023.

Perbandingan Jumlah Perbelanjaan mengikut portfolio utama bagi Tahun Kewangan 2024 dan 2023 adalah seperti jadual di bawah:

Portfolio Perbelanjaan	(RM)		
	2024	2023	Beza (-/+)
Kos Aktiviti	2,541,029.12	2,414,503.93	126,525.19
Perbelanjaan Am	1,083,879.15	800,883.86	282,995.29
Pelbagai Perbelanjaan	1,978,412.49	2,144,369.85	-165,957.36
Jumlah Perbelanjaan	5,603,320.76	5,359,757.64	243,563.12

4. Kumpulan Wang Anggota - Modal Saham & Modal Yuran Bagi Tahun Kewangan 2024

Kumpulan Wang Anggota berjumlah RM49,860,712.41 meningkat sebanyak 6.21% (RM2,918.061.84) berbanding RM46,942,650.57 pada tahun 2023.

Modal Syer Anggota dan Modal Yuran Anggota masing-masing merekodkan RM13,751,659.81 dan RM20,219,950.81 bagi Tahun Kewangan 2024 yang merupakan penyumbang terbesar keseluruhan Kumpulan Wang Anggota pada setiap Tahun Kewangan.

Bagi Tahun Kewangan 2024 (Pembahagian Yang Dicadangkan), Peruntukan Dividen atas Modal Syer sebanyak 10% (2023:9%) manakala Modal Yuran sebanyak 8% (2023:6%). Kedua-dua cadangan tersebut melibatkan peruntukan masing - masing berjumlah RM1,295,000.00 dan RM1,142,600.00 sebagai pulangan kepada para pelabur/anggota.

5. Liabiliti Bagi Tahun Kewangan Sehingga 31 Disember 2024

Liabiliti (Liabiliti Bukan Semasa & Liabiliti Semasa) juga turut meningkat bagi Tahun Kewangan 2024 seperti jadual di bawah. Liabiliti Bukan Semasa berjumlah RM16,180,968.20 adalah melibatkan Pembiayaan Berjangka daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Co-op Bank Pertama Malaysia Berhad masing - masing berjumlah berjumlah RM7,800,246.33 dan RM9,674,582.30.

Tiada peningkatan yang ketara melibatkan kesemua portfolio di bawah Liabiliti Semasa kecuali Pelbagai Pembiayaan meningkat sebanyak RM3,141,850.99 (24.72%) kepada RM15,849,906.52 berbanding RM12,708,055.53 Tahun Kewangan 2023. Bagaimanapun, peningkatan tersebut adalah bersifat material di mana Pendahuluan Ar-Rahnu berjumlah RM14,373,087.20 adalah sebahagian besar kepada peningkatan Liabiliti Semasa bagi Tahun Kewangan 2024.

Liabiliti	2024 (RM)	2023 (RM)	Beza
Liabiliti Bukan Semasa	16,180,968.20	14,940,936.96	1,240,031.24
Liabiliti Semasa	26,082,930.07	20,737,855.83	5,345,074.24

6. Siri Pengauditan Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) – Lantikan Sesi 2024-2025

Bagi Siri Lantikan 2024/2025, JAD telah melaksanakan lima (5) siri pengauditan sebagaimana Pelan & Skop seperti jadual di bawah.

Setiap penemuan telah dibincangkan bersama pihak Pengurusan dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) KOBANAS berhubung dengan cadangan pembaikan dan tindakan penyelesaian terutama melibatkan penemuan yang diklasifikasikan sebagai Berisiko Tinggi.

NO	TARIKH PENDAUDITAN	AUDIT UNIVERSE & COVERAGE
1	Siri 1-2024/2025 1) 26.08.2024 – 27.08.2024 2) 25.08.2024 – 26.08.2024	<ul style="list-style-type: none"> Ar-Rahnu (Cawangan Wisma Kobanas) Semakan Kredit (Non Performing Financing 2022 – 2024) Ar-Rahnu (Cawangan Kuala Terengganu)
2	Siri 2-2024/2025 (Open Date)	<ul style="list-style-type: none"> Farmasi - Off-Site Review (Baucer Bayaran pembelian product consignment Farmasi)
3	Siri 3-2024/2025 (16.12.2024 – 17.12.2024)	<ul style="list-style-type: none"> Ar-Rahnu (Cawangan Wisma Kobanas)
4	Siri 4-2024/2025 (16.03.2025 – 17.03.2025)	<ul style="list-style-type: none"> Ar-Rahnu (Cawangan Kuala Terengganu) Kawalan Keselamatan Premis (CCTV)
5	Siri 5-2024/2025 (29.05.2025 – 30.05.2025)	<ul style="list-style-type: none"> Ar-Rahnu (Wisma Kobanas & Damai Perdana, Cheras) Farmasi (Cawangan Wangsa Melawati)
6	Laporan Kewangan 2024 (Mei 2025)	<ul style="list-style-type: none"> Laporan Jawatankuasa Audit Dalam Ke Atas Penyata Kewangan Kobanas Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024.

7. Rumusan Keseluruhan JAD

Berdasarkan kepada prestasi Kewangan 2024, secara keseluruhannya KOBANAS telah diuruskan dengan baik/cekap dan kekal relevan untuk mencapai matlamat penubuhannya serta dapat memberi manfaat kepada 4,419 orang anggotanya.

Pelan perancangan perniagaan strategik dilihat berdaya saing serta mampu menjana pendapatan yang baik kepada KOBANAS pada tahun yang mendatang. Semua warga kerja dari pelbagai peringkat sama ada pengurusan mahu pun ALK sentiasa memberikan komitment yang tinggi bagi memastikan pelan perancangan perniagaan dapat dilaksanakan dan pada masa yang sama, penelitian ke atas risiko yang mungkin akan memberi kesan kepada pencapaian objektif turut diberi perhatian yang sewajarnya.

8. Penghargaan

JAD merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan siri pengauditan JAD sebagaimana kuasa yang telah diperuntukan kepada JAD.

Sekian, terima kasih.

Syefiq Effendi Mohd Ramli
(Ahli, Jawatankuasa Audit Dalam)
Tarikh: 20.05.2025

Mohd Abkahalisatul Rohaizad Abd Karim
(Setiausaha, Jawatankuasa Audit Dalam)
Tarikh: 20.05.2025

Rosli Husshin
(Ketua, Jawatankuasa Audit Dalam)
Tarikh: 20.05.2025



LAPORAN JURUAUDIT LUAR (AKN ARIF)



**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL
BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Kepada,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia; serta
Anggota-anggota KoperasiKakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad

Laporan Audit Ke Atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit Penyata Kewangan **KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD** yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun kewangan berakhir **31 Disember 2024**, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan termasuk ringkasan dasar perakaunan penting yang dibentangkan pada muka surat 7 hingga 44.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Asas Bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen Tanggungjawab Juruaudit untuk Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab Kebebasan dan Lain-lain Tanggungjawab Etika

Kami bebas daripada Koperasi selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripadaPenyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi Laporan Berkanun Anggota Lembaga tetapi tidak termasuk Penyata Kewangan Koperasi dan laporan juruaudit kami yang dilampirkan.

Pendapat kami mengenai Penyata Kewangan Koperasi tidak meliputi Laporan Berkanun Anggota Lembaga dan kami tidak menyatakan apa-apa bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL
BERHAD
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024
(sambungan)**

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya
(sambungan)**

Sehubungan dengan audit kami terhadap Penyata Kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Berkanun Anggota Lembaga dan dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan BerkanunAnggota Lembaga secara materialnya tidak selaras dengan Penyata Kewangan Koperasi atau pengetahuan kami diperolehi dari audit atau sebaliknya menunjukkan salah nyata yang ketara.

Berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami menyimpulkan bahawa jika terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan BerkanunAnggota Lembaga, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk melaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab AnggotaLembaga Koperasi TerhadapPenyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan Penyata Kewangan Koperasi yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan peruntukan Akta Koperasi 1993. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman di mana Anggota Lembaga menentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Koperasi yang bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit untuk Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat juruaudit.

Jaminan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupon audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

